

BAB KEEMPAT

BAB KEEMPAT

ANALISIS KEMUKJIZATAN AL-QURAN DALAM PENGGUGURAN KATA DAN AYAT

4.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, penulis akan cuba membincangkan kemukjizatan al- Quran dalam ayat-ayat yang mempunyai struktur dan susunan yang hampir sama tetapi terdapat pengguguran samada kata atau ayat dalam salah satu ayat-ayat tersebut.

Analisis akan melibatkan hampir keseluruhan ayat-ayat al-Quran yang mempunyai unsur tersebut, seterusnya diikuti dengan huraian yang akan menjurus kepada perbincangan sebab, hikmat dan tujuan pengguguran tersebut.

Penulis akan memulakan analisis dengan menyatakan ayat-ayat yang mempunyai unsur pengguguran. Ini diikuti dengan terjemahan kepada ayat-ayat tersebut beserta tafsirannya yang dipetik dari kitab-kitab tafsir yang mu'tabar. Seterusnya penulis akan menjelaskan perkataan atau ayat yang digugurkan dan membincangkan hikmat serta tujuan pengguguran tersebut.

4.2 Analisis kemukjizatan al-Quran dalam pengguguran kata dan ayat

Dalam kajian penulis terhadap ayat-ayat al-Quran, terdapat 45 ayat-ayat yang berkaitan dengan pengguguran (seperti yang dijelaskan dalam batasan kajian). Ayat-ayat tersebut adalah seperti berikut:

1) Ayat pertama: (قالَ أَمْ أَقْلَى إِنَّكَ لَنْ تُسْتَطِعَ مَعِي صَرْراً...)

Maksudnya : "...(Nabi Khaidhir) berkata "Bukankah aku telah berkata bahawa sesungguhnya kamu (Nabi Mūsā) tidak akan mampu untuk bersama denganku (Surah al-Kahfi : 72).

Ayat kedua: (قالَ أَمْ أَقْلَى لَكَ إِنَّكَ لَنْ تُسْتَطِعَ مَعِي صَرْراً...)

Maksudnya : ... (Nabi Khidir) berkata bukankah aku telah katakan kepadamu bahawa engkau tidak sama sekali akan dapat bersabar bersamaku. (Surah al-Kahfi : 75)

Kedua-dua ayat di atas merupakan sebahagian daripada kisah Nabi Mūsā a.s yang ingin menuntut ilmu dengan Nabi Khidir a.s. Nabi Khidir a.s telah memberi syarat kepada Nabi Mūsā a.s agar ia tidak mempersoalkan segala tindak tanduknya. Namun selepas tiga peristiwa yang telah dilakukan oleh Nabi Khidir a.s, iaitu merosakkan kapal orang-orang miskin, membunuh seorang budak lelaki dan mempertegakkan dinding yang jatuh lalu Nabi Mūsā gagal menepati

syarat yang telah dipersetujui oleh Nabi Khidir (Al Baghāwī : 1994 :jld : 3 : 208-209).

Kedua-dua ayat di atas juga mempunyai susunan dan struktur yang hampir sama di mana keduanya adalah akhiran kepada ayat 72 dan 75 dari surah al-Kahfi. Tetapi ayat 72 itu digugurkan perkataan **لَكَ**. Apakah hikmat pengguguran dan penambahan perkataan tersebut?

Seperti yang dinyatakan, ayat di atas menceritakan tentang tiga ujian yang dibuat oleh Nabi Khidir a.s kepada Nabi Mūsā a.s yang berakhir dengan kegagalan Nabi Mūsā a.s untuk melepassi ujian-ujian tersebut. Ayat pertama (al-Kahfi : 72) merupakan kata-kata Nabi Khidir a.s yang diungkapkan selepas Nabi Mūsā a.s gagal dalam ujian yang pertama (mempersoalkan tindakan Nabi Khidir memecahkan perahu orang-orang miskin) di mana ayat tersebut digugurkan perkataan **لَكَ**. Mengapakah selepas kegagalan pertama al-Quran menggugurkan perkataan tersebut ? Penulis berpendapat ini adalah untuk menyatakan bahawa secara psikologinya Nabi Mūsā a.s masih berada dalam keadaan yakin dapat melepassi ujian-ujian seterusnya. Ini dapat dilihat dalam kata-kata Nabi Mūsā a.s dalam ayat al Kahfi : 73, iaitu:

فَالْ لَا تُؤْخِذنِي بِمَا كَسَبْتُ وَ لَا تُرْهِقْنِي مِنْ أَمْرِي عُسْرًا

Maksudnya : "Mūsā berkata: Janganlah kamu menghukum aku kerana kelupaanku dan janganlah kamu membebani aku dengan sesuatu kesulitan dalam urusanku".

Manakala penambahan perkataan **كُلَّ** dalam ayat kedua (al-Kahfi 75), para Mufassirun mempunyai pendapat yang hampir sama, iaitu ia memberi makna penguat (**تُوكِيدٌ**) yakni Nabi Mūsā a.s tidak akan dapat melepas ujian tersebut (Ibnu Kathīr:1997:jld:3:88 / Al-Baghāwīy: 1994: jld:3:209).

Wahbah al-Zuhailī (1991:jld:16:8) menyatakan bahawa penambahan perkataan **كُلَّ** bermakna bahawa ujian kedua tersebut (tindakan Nabi Khidir membunuh budak lelaki) adalah lebih berat dan sukar.

Penulis berpendapat penambahan perkataan **كُلَّ** dalam ayat ini untuk mengisyaratkan dan menguatkan kepada Nabi Mūsā a.s bahawa ia akan gagal dalam ujian ketiga (tindakan Nabi Khidir membetulkan dinding yang condong) selepas gagal dalam ujian kedua, ayat 75 al-Kahfi telah menjelaskan perasaan Nabi Mūsā a.s ketika itu. Ayat itu bermaksud : " Mūsā berkata jika aku bertanya kepadamu tentang sesuatu sesudah kali ini maka janganlah kamu memperbolehkan aku menyertaimu sesungguhnya kamu sudah cukup memberi uzur kepadaku". Sesungguhnya pengguguran dan penyebutan perkataan tersebut memberi suatu kesesuaian kepada rentetan kisah yang disampaikan. Ini dapat dirasai oleh pembaca yang memberi sedikit pengamatan terhadap ayat tersebut. Oleh yang demikian, pengulangan ayat di atas dengan sedikit

pengguguran mempunyai makna tertentu yang ingin disampaikan bersetujuan dengan hakikat sebenar kisah tersebut.

Kesimpulannya pengguguran dan penambahan perkataan **لَكَ** adalah satu gaya bahasa yang menyelami perasaan Nabi Mūsā a.s ketika itu. Pengguguran **لَكَ** bertujuan menjelaskan perasaan Nabi Mūsā a.s yang masih yakin dapat melepassi ujian tersebut manakala penambahan perkataan **لَكَ** bertujuan mengisyaratkan kepada Nabi Mūsā a.s bahawa ia akan gagal dalam ujian yang seterusnya.

2. Ayat pertama: (إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمُ الْأَنْذِرُ قَمْ أُمْ لَمْ تَنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ)

Maksudnya : Sesungguhnya orang-orang *kafir*, sama saja bagi mereka samada kamu beri peringatan atau tidak kamu beri peringatan mereka tidak akan beriman.(Surah al-Baqarah :6)

Ayat kedua: (وَسَوَاءٌ عَلَيْهِمُ الْأَنْذِرُ قَمْ أُمْ لَمْ تَنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ)

Maksudnya : Sama sahaja bagi mereka apakah kamu memberi peringatan kepada mereka ataukah kamu tidak memberi peringatan kepada mereka mereka tidak akan beriman. (Surah Yāsin : 10)

Kedua-dua ayat di atas menerangkan sifat orang-orang *kafir* yang tidak mahu beriman dengan kebenaran Islam dan kerasulan Muhammad s.a.w. Keangkuhan dan keingkaran mereka terhadap Islam berterusan walaupun diberi

pelbagai ingatan, ancaman dan bukti kebenaran tersebut, bahkan mereka kekal sama seperti keadaan asal mereka yang kufur dan tidak mahu beriman (Al-Sāwīy :1999:jld 1:43).

Kedua-dua ayat di atas mempunyai susunan dan struktur yang hampir sama, tetapi ayat di dalam surah Yāsīn digugurkan ungkapan **يَعْلَمُ الَّذِينَ كَفَرُوا**

Apakah hikmat yang terdapat di sebaliknya?

Musnad ilaih (subjek) dalam ayat surah al-Baqarat tersebut adalah kata penghubung (**الَّذِي** (إِنْ مَوْصُولُ)) dan kata penghubung ini diklasifikasikan sebagai kata nama khas atau **ma'rifat** (عرفة). Musnad ilaih yang berbentuk **ma'rifat** merujuk kepada dua makna. Pertamanya adalah **لِلْهُدٰى**, yang bermaksud bahawa ia ditujukan kepada golongan tertentu dan keduanya bermaksud umum ertiya tidak ditujukan kepada sesiapa (al-Zamakhsyariy:1997:jld:1:87). Justeru itu, penulis berpendapat ayat tersebut merujuk kepada makna yang pertama yang ditujukan kepada golongan tertentu. Ini kerana, apabila dilihat kepada konteks asbab al-nuzul (sebab turun ayat), Ibnu Abbas r.a dan Al-Kalbiy r.a menyatakan bahawa ayat tersebut diturunkan kepada pembesar-pembesar yahudi yang diketuai oleh Huyayy bin Akhtab dan Ka'ab bin Ashraf, manakala al-Rabi' bin Anas menyatakan bahawa ia diturunkan kepada pemimpin-pemimpin tentera Ahzab yang terbunu (al-Qurtubiy:1995:jld:1:184). Oleh yang demikian, ayat surah al-Baqarat ditujukan kepada golongan tertentu bersesuaian dengan kaedah retorik

dan tatabahasa Arab, manakala ayat dalam surah Yāsīn adalah perkhabaran umum yang tidak merujuk kepada mana-mana pihak atau golongan. Dari sini penulis menyimpulkan bahawa pengguguran ungkapan إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا adalah untuk menyatakan perkhabaran umum yang terdapat di dalamnya dan sebutannya dalam surah al-Baqarat merujuk kepada pihak atau golongan tertentu yang diturunkan kepada mereka ayat tersebut.

3. Ayat pertama : (ذَلِكَ بِأَنَّمَا شَاقُوا اللَّهُ وَرَسُولَهُ وَمَنْ يَشَاقِقُ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَإِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ)

Maksudnya : (Ketentuan) yang demikian itu adalah kerana sesungguhnya mereka menentang Allah dan Rasulnya dan barangsiapa menentang Allah dan Rasulnya maka sesungguhnya Allah amat keras siksaannya. (Surah al-Anfāl : 13)

Ayat kedua : (ذَلِكَ بِأَنَّمَا شَاقُوا اللَّهُ وَرَسُولَهُ وَمَنْ يَشَاقِقُ اللَّهَ فَإِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ)

Maksudnya : Yang demikian itu adalah kerana sesungguhnya mereka menentang Allah dan Rasulnya. Barangsiapa menentang Allah maka sesungguhnya Allah sangat keras hukumannya. (Surah al-Hasyr : 4)

Kedua-dua ayat di atas menjelaskan tentang pembalasan azab yang pedih samada di dunia mahupun di akhirat bagi mereka yang memusuhi Allah dan rasulnya. Memusuhi Allah dan rasulnya bererti mengingkari atau mendustai syariat yang diturunkan oleh Allah sedang mereka mengetahui kebenarannya. Pendustaan inilah yang menjadi sebab Allah menurunkan azab kepada mereka

dan seterusnya memberi kemenangan kepada orang-orang yang beriman.
(Wahbah al-Zuhailiy: 1991: jld: 9: 270 / jld: 27: 72).

Kedua-dua ayat di atas mempunyai susunan dan struktur yang hampir sama, namun di dalam ayat surah al-Hasyr : 4 digugurkan perkataan ^{رسول} ﷺ .

Pengguguran ini sudah tentu mempunyai hubungan dengan makna dan munasabat ayat . Di samping itu, ayat di dalam surah al-Hasyr juga digugurkan satu huruf qāf (ق) pada perkataan يشاقق .

Ayat dalam surah al-Hasyr menjelaskan tentang permusuhan orang-orang Yahudi terhadap Islam (Ibnu Kathīr: 1997: jld: 4: 282-283) iaitu peristiwa pengusiran bani al-Nadir dari kabilah Yahudi yang mencabuli perjanjian, manakala ayat surah al-Anfāl pula menerangkan tentang permusuhan orang-orang Arab terhadap Islam (Ibn Kathīr: 1997: jld: 2: 255), iaitu peristiwa peperangan antara orang-orang Islam dengan tentera-tentera kafir Mekah dalam peperangan Badar. Apakah rahsia al-Quran meletakkan nama Allah dan rasulnya dalam permusuhan Yahudi dan hanya meletakkan nama Allah dalam permusuhan dengan orang-orang kafir Mekah ?

Dari perspektif sejarah, kita dapat menyimpulkan bahawa orang-orang yahudi telah mengkhianati Islam dan Muhammad. Lantaran itu, tatkala Nabi Muhammad s.a.w singgah di perkampungan Yahudi bersama bapa saudaranya dalam perjalanan pulang dari menjalankan perniagaan di Syam, seorang rahib yang nampak akan kenabian Muhammad s.a.w menyuruh baginda pulang segera

ke Mekah kerana orang-orang Yahudi akan membunuh Muhammad s.a.w (Ramadan al-Būtiyy : 1991: 48). Justeru itu, punca permusuhan Yahudi adalah kerana Islam yang dibawa oleh Muhammad s.a.w dan kerana Muhammad s.a.w yang diangkat menjadi rasul itu adalah bukan dari kalangan orang-orang Yahudi. Orang-orang Yahudi menganggap bahawa rasul yang terakhir adalah dari kalangan mereka kerana mereka merasakan bahawa mereka lah yang lebih dicintai oleh Allah sepetimana yang tersebut di dalam satu ayat al-Quran :

وَقَالَتِ الْيَهُودُ وَالنَّصَارَى لَنَّا أَنْبَاءُ اللَّهِ وَأَجْيَاهُ ...

Maksudnya : Orang-orang Yahudi dan Nasrani berkata "Kami ini adalah anak-anak Allah dan kekasih-kekasisinya...." (Surah al-Māidah : 18)

Sebaliknya permusuhan orang-orang Arab terhadap Islam adalah kerana Islam yang dibawa oleh Muhammad s.a.w. Oleh itu, orang-orang Arab Quraish sanggup memberikan apa sahaja kepada Muhammad s.a.w asalkan Baginda meninggalkan Islam. Oleh yang demikian, kita dapat ayat dalam surah al-Anfāl adalah ayat yang membincangkan tentang permusuhan Yahudi, manakala ayat dalam surah al-Hasyr adalah merujuk kepada permusuhan orang-orang Arab (Kafir Mekah) terhadap Islam.

Penulis juga berpendapat pengguguran huruf **ف** pada perkataan **يشلاق**

adalah untuk keringanan (**للتخفيف**), iaitu merujuk kepada permusuhan orang-orang Arab adalah lebih ringan berbanding dengan permusuhan orang-orang

Yahudi di mana permusuhan dengan mereka ini adalah lebih bahaya berbanding dengan orang-orang Arab Mekah.

4. Ayat pertama : ... وَلَا تُكِنْ فِي ضَيْقٍ مَا يَكْرُونَ

Maksudnya : ...Dan janganlah kamu bersempit dada terhadap apa yang mereka tipudayakan (Surah al-Nahl : 127)

Ayat kedua : ... وَلَا تُكِنْ فِي ضَيْقٍ مَا يَكْرُونَ

Maksudnya : ...Dan janganlah engkau rasa gelisah disebabkan tipu daya yang mereka lakukan. (Surah al-Naml : 70)

Kedua-dua ayat di atas merupakan penenang (تسلية) kepada Nabi s.a.w

dalam menghadapi tentangan dan pendustaan serta tipudaya musuh. Tatkala Baginda menyampaikan dakwah Islam kepada mereka, Allah s.w.t. menjelaskan kepada Rasulullah s.a.w agar jangan berasa sempit dada dan bersedih atas permusuhan tersebut kerana Allah s.w.t akan membantu baginda dan memberi kemenangan kepada Baginda (Al-Qāsimīy: 1994: jld: 4: 560 / jld: 5: 407-408).

Dalam ayat surah al-Nahl digugurkan huruf Nūn (ن) pada perkataan تكُنْ

dan sebaliknya dalam ayat surah al-Naml huruf Nūn tidak digugurkan . Apakah rahsia pengguguran tersebut ?

Dari konteks nahu Arab kata kerja ﺍَنْجُونَ yang didahului oleh partikel jazm

seperti ﻷ, wajar dibuang huruf l'Ilahnya, iaitu Wāw (و) dan digugurkan huruf nūn. Dari perspektif al-Quran, kedua-dua situasi tersebut boleh digunakan samada dikekalkan huruf nūn atau digugurkan huruf tersebut. Apakah punca pengguguran huruf nun tersebut? Ahli nahu Arab berpendapat bahawa ia adalah untuk meringankan sebutan (لِتَخْفِيْفَ) (A'bbās Hasan: 1347H: 1: 532).

Tetapi rahsia sebenar dikekalkan huraf Nūn dalam surah al-Naml dan digugurnannya dalam ayat surah al-Nāḥl ialah kerana ayat dalam surah al- Nāḥl (ayat 125-127) turun selepas pembunuhan saidina Hamzah r.a dan pembunuhan tersebut menyedihkan Nabi s.a.w sehingga Nabi s.a.w bermimpi terbayangkan keadaan Hamzah r.a yang parah (Al-Qurtubī: 2000: jld 10: 132). Justeru itu, ayat tersebut digugurkan huruf nun bertujuan meringankan dan menenangkan kesedihan yang dirasai oleh Nabi s.a.w selepas pembunuhan Saidina Hamzah (Al-Karmāniy: 1976: 26). Nabi s.a.w berasa amat sedih dengan kematian Saidina Hamzah r.a, tambahan dari itu, tindakan Hindon (isteri kepada Abu Sufiyan) yang tidak berperikemanusiaan di mana Hindon telah membelah dada Hamzah dan memakan hatinya. Perhatikanlah bagaimana ketinggian bahasa al-Quran yang menggabungkan dua konteks, iaitu konteks bahasa yang dihubungkan dengan konteks kejiwaan. Penulis berpendapat Nabi Muhammad s.a.w yang merupakan orang yang paling fasih di dalam bahasa Arab sudah pasti dapat menyelami konteks bahasa al-Quran. Kita juga mendapati banyak ayat-ayat al-Quran yang diturunkan untuk menenangkan dan menghiburkan perasaan Nabi Muhammad s.a.w yang sering menghadapi tekanan dari orang-orang kafir Mekah. Unsur ini

secara tidak langsung menyanggah pandangan yang mengatakan bahawa al-Quran itu adalah ciptaan Muhammad s.a.w.

Di samping itu, ayat dalam surah al-Naml dikekalkan huruf Nūn kerana ayat tersebut menjelaskan secara umum sahaja tentang pendustaan kaum-kaum terdahulu terhadap Rasul-Rasul mereka. Dan ayat tersebut adalah penenang kepada Nabi s.a.w dalam misi dakwahnya. Tambahan dari itu, tidak terdapat riwayat yang menjelaskan tentang sebab turun ayat tersebut.

5. Ayat pertama: وَابْصِرُهُمْ فَسُوفَ يَبْصِرُونَ

Maksudnya : Dan lihatlah mereka, maka kelak mereka akan melihat azab itu.

(Surah al-Saffat : 175)

Ayat kedua : وَابْصِرُ فَسُوفَ يَبْصِرُونَ

Maksudnya : Dan lihatlah, maka kelak mereka juga akan melihat. (Surah al-Saffat : 179)

Kedua-dua ayat di atas menjelaskan tentang balasan Allah kepada golongan kafir yang sentiasa mendustai Rasulullah s.a.w dan para sahabat baginda. Balasan azab yang ditimpakan ke atas golongan kafir tersebut adalah merupakan suatu kemenangan dan kegembiraan kepada Rasulullah s.a.w dan para sahabatnya. Balasan azab yang akan menimpa golongan kafir akan dapat dilihat oleh mereka sendiri selepas mereka mencabar Rasulullah s.a.w supaya mempercepatkan penurunan azab tersebut. Begitu juga balasan kebaikan dan kemenangan akan dapat dilihat sendiri oleh Rasulullah s.a.w dan para

sahabatnya, iaitu kehancuran golongan kafir kesan dari azab yang ditimpakan ke atas mereka (Wahbah al-Zuhailiy: 1991: jld: 23: 157-158)

Dalam ayat 179, terdapat pengguguran perkataan ^{هُنَّا} di mana perkataan ini adalah gantinama yang bermaksud "mereka", iaitu golongan kafir yang mencabar Rasulullah s.a.w agar mempercepatkan azab ke atas mereka.

Penyebutan gantinama ^{هُنَّا} yang merupakan ^{مَفْعُولٌ} (objek) dalam ayat 175 adalah kerana konteks ayat yang merujuk kepada sesuatu yang boleh dilihat secara jelas di depan mata. Justeru itu, ada di kalangan ahli tafsir yang berpendapat bahawa ayat tersebut melibatkan perang menentang tentara Yahudi Khaibar (Ibn Kathīr: 1997: jld: 4: 27) yang mana kematian dan azab orang kafir itu dapat dilihat dengan jelas di dalam perang tersebut (al-Karmānīy: 1976: 35). Ayat 175 dan yang sebelumnya juga menggambarkan kemenangan yang akan diperolehi oleh tentera muslimin, kerana itu Allah mengatakan "lihatlah mereka", iaitu mayat tentera-tentera kafir.

Berhubung rahsia pengguguran gantinama ^{هُنَّا} dalam ayat 179, Abu Hayyan al-Tauhīdiy (1993 : jld:7: 364) menyatakan bahawa ayat 179 adalah melibatkan azab di akhirat yang belum dapat dilihat. Kerana itu, digugurkan gantinama ^{هُنَّا}. Manakala ayat 175 adalah merujuk kepada azab di dunia yang boleh dilihat.

Penulis berpendapat pengguguran ^{هُمْ} dalam ayat 179 adalah bertepatan dengan kaedah ilmu al-ma'āni. Menurut Abdul Qāhir al-Jurjāniy (1998:111-113) pengguguran objek (^{هُمْ} مَوْلُوْلُ بِهِ), iaitu ^{هُمْ} adalah bertujuan memberi penekanan kepada pelaku (^{فَاعِلٌ}). Pelaku dalam ayat di atas adalah ganti nama tersembunyi (^{صَنْدِيقٌ مُّسْتَبْرِزٌ}) dalam kata kerja ^{أَبْصَرَ} yang merujuk kepada Rasulullah s.a.w dan para sahabatnya. Begitu juga Waw al-jamāah (وَأَوْلُ الْجَمَاعَةِ) dalam kata kerja ^{يُصْرُونَ} itu merujuk kepada golongan Kafir. Pengguguran ganti nama ^{هُمْ} adalah untuk menyatakan bahawa fokus ayat tersebut ditujukan kepada Rasulullah s.a.w dan para sahabatnya agar mereka melihat dan mengambil pengajaran dari azab yang akan menimpa golongan tersebut.

Kesimpulannya, penyebutan dan pengguguran ^{هُمْ} untuk menyatakan kesan azab yang ditimpa ke atas orang-orang kafir yang dapat dilihat secara jelas atau sebaliknya. Di samping itu, pengguguran ^{هُمْ} pula adalah untuk menyatakan bahawa fokus ayat ditujukan kepada Rasulullah s.a.w dan para sahabatnya.

6. Ayat pertama : قُلْ إِنَّ رَبِّيٍّ يَسْوَطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ وَيَقْدِرُ

Maksudnya : "Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanmu melapangkan rezki bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan menyempitkan (bagi sesiapa yang dikehendakiNya)...." (Surah Saba' : 36)

Ayat kedua : قُلْ إِنَّ رَبِّيٍّ يَسْوَطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَقْدِرُ لَهُ

Maksudnya : "Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanmu melapangkan rezki bagi sesiapa yang dikehendakiNya di antara Hamba-hambaNya dan menyempitkan bagi (sesiapa yang dikehendakiNya)".... (Surah Saba' : 39)

Kedua-dua ayat di atas menerangkan tentang konsep rezki di mana Allah s.w.t berkuasa dalam menentukan rezki seseorang. Allah s.w.t sahaja yang meluaskan rezki seseorang dan Dia jugalah yang menyempitkan rezki seseorang. Oleh yang demikian, janganlah kita bimbang dalam melakukan amalan sedekah dan membantu mereka yang susah, juga janganlah kita merasa sombang dengan harta yang ada kerana ia merupakan rezki pemberian Allah Jua (Wahbah al-Zuhaili: 1991: jld: 22: 195-197).

Di dalam ayat 36 terdapat dua pengguguran jika dibandingkan dengan ayat 39, iaitu pengguguran perkataan مِنْ عِبَادِهِ yang bermaksud "dari kalangan hambanya" dan perkataan لِكَلْ yang bermaksud "untuknya". Apakah tujuan dan hikmat pengguguran dua perkataan tersebut?

Menurut ahli tafsir, pengguguran dua perkataan tersebut adalah untuk menjelaskan fokus yang berbeza yang terdapat di dalam kedua-dua ayat di mana ayat 39 merupakan galakan supaya bersedekah (al-Alusiyy: jld:21:147-150) dan kerana itu ayat 39 diakhiri dengan ayat berikut:

وَمَا أَنْفَقْتُ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ وَهُوَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ

Maksudnya : ...Dan barang apa saja yang kamu nafkahkan maka Allah akan mengantikannya dan Dialah pemberi rezki yang sebaik-baiknya.

Manakala ayat 36 difokuskan kepada cemohan terhadap mereka yang sompong dengan harta yang banyak. Sesungguhnya kekayaan dan kemiskinan itu sebenarnya di bawah kekuasaan Allah jua (Al-Zamakhsyari: 1995:jld:3:596 / Al-Qurtubiy: 1995:jld:7:307). Ini dapat dilihat dalam ayat 35 sebelumnya, iaitu:

وَقَالُوا نَحْنُ أَكْثَرُ أَمْوَالًا وَأَوْلَادًا وَمَا نَحْنُ بِمُعْذِنِينَ

Maksudnya : "Dan mereka berkata: Kami lebih mempunyai harta dan anak-anak (daripada kamu) dan kami sekali-kali tidak akan diazab (Surah Saba' : 35)"

Berdasarkan pandangan ahli tafsir di atas, penulis berpendapat bahawa penambahan perkataan من عباده adalah untuk menjelaskan dua perkara :

pertama : Allah s.w.t hanya mengurniakan kekayaan atau keluasan rezki kepada sebahagian dari hambanya sahaja, hal ini dijelaskan oleh partikal من

yang bermaksud sebahagian (للْتَّبْعِيْضِ). Oleh itu, dalam kehidupan ini kita perlu menerima sunnah kejadian Tuhan yang menjadikan manusia sebahagiannya kaya dan sebahagiannya miskin seperti firman Allah yang berbunyi :

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلِيفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ ...

Maksudnya : "Dan dia lah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan dia lah yang meninggikan sebahagian kamu ke atas sebahagian yang lain..."
(Surah al-An'ām : 165)

Kedua: Sebab yang menjadi punca manusia diluaskan rezki, di samping ianya ketentuan Tuhan adalah berpunca dari usaha manusia itu sendiri. Partikal dalam bahasa Arab juga berfungsi untuk menerangkan sebab من (أَفَادَةُ التَّعْلِيلِ) (A'bbās Hasan:1347H: jld: 2: 429). Oleh yang demikian, kekayaan dan keluasaan rezki juga bergantung kepada usaha manusia itu sendiri.

7. Ayat pertama : فيَرَوُهُمْ بَعْتَهُ وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ

Maksudnya : "Maka datanglah azab kepada mereka dengan mendadak , sedang mereka tidak menyadarinya" (Surah al-Syu'arā' :202)

Ayat kedua : وَلَيَأْتِنَهُمْ شَوْدَدٌ وَجَهَنَّمُ وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ...

Maksudnya : "...Dan azab itu benar-benar akan datang kepada mereka dengan tiba-tiba sedang mereka tidak menyadari." (Surah al-'Ankabūt : 53)

Pentafsiran kedua-dua ayat di atas adalah berhubung dengan cabaran yang dibuat oleh orang-orang kafir, di mana mereka mencabar Nabi s.a.w agar menurunkan azab kepada mereka bagi membuktikan kebenaran seruan Islam dan sebaliknya kesalahan mereka yang tidak mahu menerima seruan tersebut. Maka Allah s.w.t menyatakan bahawa azab tersebut pasti akan diturunkan bahkan kedatangannya adalah dengan mengejut dan mereka tidak menyadarinya (Al-Sawiy: 199; jld: 4: 244).

Kedua-dua ayat tersebut mempunyai susunan dan struktur yang hampir sama, tetapi ayat di dalam surah al-Syu'ara` digugurkan dua huruf, iaitu lam (ل) dan nūn (ن) pada perkataan *لَيَأْتِيهِمْ*. Pengguguran dan penyebutan dua huruf

tersebut mempunyai makna tertentu di dalam Retorik Arab. Huruf ل tersebut dari perspektif tata bahasa Arab dikenali sebagai *لام الاستثناء*, manakala huruf Nun yang

mengiringi kata kerja *لَيَأْتِيهِمْ* dikenali sebagai nun al-Tawīd (نون التوكيد). Kedua-dua huruf tersebut dari perspektif retorik Arab membawa makna penguat (توكيد) terhadap sesuatu kenyataan. Tetapi apakah hikmat pengguguran atau penyebutan huruf-huruf tersebut dalam kedua-dua ayat di atas?

Ayat di dalam surah al-Ankabūt yang disertakan dengan *لام الاستثناء* dan

نون التوكيد yang merupakan partikel penguat adalah bersesuaian dengan sebab

turun ayat, di mana ayat ini diturunkan kepada pihak tertentu, iaitu Abdullah bin Abi Umayyah dan golongan Muysrikin yang lain (Al-Qurtubīy: 2000: jld 13: 236). Manakala ayat dalam surah al-Shu'arā` adalah ancaman secara umum sahaja dan tiada riwayat yang menyebut tentang sebab turun ayat tersebut.

Dalam retorik Arab, apabila satu partikel penguat digunakan, maka ia ditujukan kepada mereka yang ragu-ragu kepada kenyataan yang diutarakan. Sekiranya terdapat dua atau lebih partikel penguat digunakan maka ia merujuk kepada mereka yang mengingkari kenyataan tersebut (A'li al-Jārimīy: 1951: 153-156). Ayat dalam surah al-Ankabūt ditujukan kepada Abdullah bin Abi Umayyah dan golongan Musyrikin yang mengingkari kenyataan dan ancaman Nabi s.a.w yang menyatakan bahawa azab dari Allah akan datang kepada mereka andainya mereka menolak seruan Islam dan berterusan melakukan kezaliman ke atas penganut-penganutnya. Justeru itu, ayat tersebut dikuatkan dengan dua partikel penguat, iaitu ^{فُوْنَ التَّرْكِيدِ} ^{لَمْ إِلَّا تَتَّبِعَ} وَ^{ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأَمْرِ}. Manakala ayat dalam surah al-Syu'arā` adalah perkhabaran umum yang tidak ditujukan kepada mana-mana pihak. Oleh yang demikian, jelas kepada kita tujuan dan hikmat penyebutan dan pengguguran dua huruf tersebut dalam ayat di atas. Oleh itu, retorik al-Quran mempunyai pengabungan jalinan yang jelas dengan disiplin ilmu yang lain.

8. Ayat pertama : ...يَقُولُونَ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأَمْرِ

Maksudnya : "...Sesungguhnya yang demikian itu termasuk hal-hal yang diwajibkan." (Surah Luqmān : 17)

Ayat kedua : إِنَّ ذَلِكَ لِمَنْ عَزَمَ الْأُمُورُ ...

Maksudnya : "... sesungguhnya (perbuatan) yang demikian itu termasuk hal-hal yang diutamakan." (Surah al-Syu'ara` : 43)

Kedua-dua ayat di atas menerangkan tentang tuntutan sifat sabar yang mesti diamalkan oleh setiap orang tatkala ditimpa sesuatu perkara yang malang. Ini dapat dilihat di permulaan kedua-dua ayat tersebut. Ayat surah Luqmān dimulai dengan ayat berikut :

بِيَٰئِ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأَمْرُ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهِ عَنِ الْمُنْكَرِ وَاصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ ...

Maksudnya: "Hai anakku dirikanlah solat dan suruhlah (manusia) mengerjakan yang baik dan cegahlah (mereka) dari perbuatan yang mungkar dan bersabarlah terhadap apa yang menimpa atas kamu..." (Surah Luqmān: 17)

Manakala ayat dalam surah al-Syu'ara` dimulai dengan ayat berikut :

وَلَنْ صَرِّ وَغَرَ ...

Maksudnya: "Tetapi orang yang bersabar dan memaafkan...." (Surah al-Syu'ara` : 43)

Ayat dalam surah Luqmān digugurkan huruf lam (ل) pada partikel لَنْ

dan fungsi huruf tersebut adalah sebagai penguat seperti yang dinyatakan dalam analisis ketujuh yang lalu. Apakah tujuan penggugurnya dalam ayat surah ini?

Menurut Syeikh Mutawalliyy al-Sya'rawī (1998: jld: 3: 46) hikmat dan tujuan digugurkan huruf tersebut adalah untuk membezakan konteks perbincangan di dalam ayat surah Luqmān di mana ayat tersebut membincangkan tentang kesabaran yang dituntut terhadap musibah atau taqdir yang datang dari Allah s.w.t yang kita mesti bersabar dan tidak mampu untuk melawannya. Oleh itu, digugurkan partikel penguat ﴿نَّ﴾ kerana tidak ada manusia yang mampu mengingkari atau meragui ketentuan Allah s.w.t. Manakala perbincangan dalam ayat surah al-Syu'arā' adalah berhubung dengan tuntutan sabar terhadap kezaliman yang dilakukan ke atas kita dan tuntutan untuk memaafkannya. Dalam masa yang sama, kita mampu melawan dan menghilangkan kezaliman tersebut dengan usaha yang bersungguh sungguh. Justeru itu, ayat ini dikuatkan dengan partikel penguat ﴿مِنْ﴾, berbeza dengan situasi pertama di mana kita tidak akan dapat mengelak musibah itu kerana ia datang dari Allah s.w.t sahaja.

Penulis berpendapat penyebutan huruf tawkid tersebut adalah merujuk kepada tuntutan memaafkan kezaliman yang dilakukan ke atas seseorang, dan sememangnya memaafkan kezaliman yang dilakukan adalah sesuatu yang sukar. Pada dasarnya, setiap kesalahan yang dilakukan hendaklah dibalas dengan balasan yang setimpal, yakni dengan kesalahan itu juga. Firman Allah s.w.t:

وَ حَرَاءُ سَيِّئَةٍ سَيِّئَةٌ مِّثْلُهَا فَمَنْ عَفَا وَ أَصْلَحَ فَأُجْرَهُ عَلَى اللَّهِ ...

Maksudnya: "Dan balasan sesuatu kejahatan adalah kejahatan yang serupa, maka barangsiapa memaafkan dan berbuat baik maka pahalanya atas (tanggungan) Allah..." (Surah al-Syu'arā' : 40)

Tetapi tuntutan memaafkan kesalahan itu tidak diwajibkan seperti dalam bab al-qisas (balas bunuh). Oleh itu, dalam ayat ini diletakkan partikel penguat lam (ج) untuk tujuan menggalakkan manusia memaafkan kesalahan yang dilakukan ke atasnya walaupun ia berhak melakukan sebaliknya.

9. Ayat pertama : ... طَمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خُوفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يُحْزِنُونَ

Maksudnya : "... Mereka akan menerima pahala dari Tuhan mereka tidak ada keimbangan terhadap mereka dan tidak pula mereka bersedih hati." (Surah al-Baqarat : 262)

Ayat kedua : ... فَلَهُمْ أَجْرٌ هُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خُوفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يُحْزِنُونَ

Maksudnya : "... Bagi mereka pahala balasannya di sisi Tuhan mereka dan tidak ada keimbangan kepada mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita (Surah al-Baqarat : 62).

Ayat 62 surah al-Baqarah menerangkan tentang balasan yang akan diterima oleh mereka yang beriman kepada Allah s.w.t dan hari akhirat serta sentiasa melakukan perkaran-perkara yang baik. Manakala ayat 262 pula menerangkan tentang balasan kepada mereka yang sentiasa mebelanjakan harta mereka ke jalan Allah dengan penuh ikhlas (Jalalludin al-Suyūti: 1999: 62 / 44).

Kedua-dua ayat mempunyai susunan dan struktur yang hampir sama melainkan terdapat penguguran dalam ayat 262. Ayat 262 digugurkan huruf fa

(فَ) yang bermaksud "maka" dan sebaliknya huruf tersebut digunakan dalam ayat 62. Apakah tujuan dan hikmat pengguguran huruf tersebut ?

Pengguguran huruf fā' (فَ) dalam ayat 262 dan sebutannya dalam ayat 62 boleh dibincangkan dari dua perspektif. Pertama, kata penghubung ^{الذِي} yang terdapat di awal ayat 262 tidak membawa maksud syarat sedangkan huruf fā' (فَ) itu digunakan bagi tujuan menjawab sesuatu syarat yang terdapat dalam ayat sebelumnya (al-Zamakhsharīy: 1996: jld: 1 :339). Manakala dalam ayat 62 terdapat unsur syarat di dalamnya khususnya kewujudan huruf syarat man (من) yang bermaksud siapa yakni 'sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari kiamat dan beramal soleh maka....'. Justeru itu, ayat 62 disebut huruf fā' (فَ) bagi menjawab ayat syarat yang sebelumnya, iaitu untuk mendapat pahala syaratnya hendaklah beramal soleh. Keduanya, pengguguran huruf fā' (فَ) dalam ayat 262 adalah untuk menjelaskan konsep amalan sedekah yang mana dengan bersedekah semata-mata belum pasti kita memperoleh pahala bahkan perlu disertakan niat yang baik. Justeru itu, tujuan pengguguran itu adalah untuk mengelakkan kekeliruan bahawa dengan sedekah sahaja telah memperoleh pahala (al-Zamakhsharīy 1995: jld 1: 340).

10. Ayat pertama : ...فَأَتُوا بِسُورَةٍ مِّنْ مِّثْلِهِ...

Maksudnya : "...Buatlah satu surah sahaja yang seperti al-Quran itu...(Surah al-Baqarat : 23)

Ayat kedua : ...فَأَتُوا بِسُورَةٍ مِّنْ مِّثْلِهِ...

Maksudnya : "...Datangkanlah satu surah daripada yang sebanding dengan al-Quran itu..." (Surah Yūnus : 38)

Dalam kedua-dua ayat di atas Allah s.w.t mencabar orang-orang kafir Quraish yang masih meragui kebenaran dan ketinggian al-Quran supaya mereka mendatangkan atau menciptakan satu surah sahaja yang setanding dengan al-Quran itu, dan jika perlu mintalah bantuan dari pembesar-pembesar kamu untuk tujuan tersebut. Namun mereka tetap gagal untuk mendatangkannya (Jalalludin al-Suyūtiy: 1999: 4 / Wahbah al-Zuhailiy : 2000: 5/224).

Terdapat satu perkataan yang digugurkan dalam ayat surah Yūnus berbanding ayat dalam surah al-Baqarah. Perkataan tersebut adalah partikel Min بِنْ yang bermaksud "daripada". min من dalam ayat surah al-Baqarah adalah partikel tambahan yang dikenali sebagai huruf jar zaid (حُرْفُ الْجَارِ الزَّايدِ) di mana dalam perbincangan retorik Arab ia membawa makna penguat توکید (توكيد).

Menurut pendapat lain, Min بِنْ dalam ayat surah al-Baqarah membawa makna sebahagian (تَبْيَضُّ) (al-Karmaniyy:1976:24) ertiannya jika kamu mampu

datangkanlah sebahagian (satu surah) yang setanding dengan al-Quran. Justeru itu, adakah cabaran al-Quran hanya dengan satu surah sahaja? Bagaimana pula dengan surah-surah yang lain ? Oleh yang demikian, dalam ayat surah Yūnus digugurkan partikel مِنْ untuk menjelaskan bahawa cabaran dalam ayat yang sebelumnya itu bukanlah hanya pada satu surah sahaja bahkan kesemua surah yang terdapat di dalam al-Quran.

Penulis berpendapat partikel مِنْ dalam ayat al-Baqarah berfungsi sebagai penguat. Partikel tersebut adalah حُكْمُ الْجَنَّزِ seperti yang dinyatakan di atas. Partikel penguat tersebut adalah suatu gertakan dan cabaran kepada orang-orang Quraisy yang tidak mahu beriman dengan kebenaran al-Quran. Ini secara langsung memerangi psikologi orang-orang kafir Quraisy. Lantaran itu, ramai dari kalangan mereka (orang-orang Quraisy) yang beriman kerana tidak mampu mencipta ayat-ayat yang indah seperti al-Quran.

11. Ayat pertama : ..إِلَّا مَنْ تَابَ وَ آمَنَ وَ عَمِلَ صَالِحًا...

Maksudnya: "...Kecuali orang yang bertaubat, beriman dan beramal soleh..."
(Surah Maryam: 60)

Ayat kedua : ..إِلَّا مَنْ تَابَ وَ آمَنَ وَ عَمِلَ عَلَّا صَالِحًا...

Maksudnya : "...Melainkan orang yang bertaubat serta mengerjakan amal yang baik... (Surah al-Furqān: 70)

Kedua-dua ayat di atas menjelaskan tentang mereka yang sentiasa bertaubat dan melakukan amalan yang soleh di mana mereka ini akan terkecuali dari menerima kesan atau balasan yang buruk dari Allah s.w.t. Dalam beberapa ayat sebelumnya Allah s.w.t menerangkan tentang beberapa sifat yang buruk yang dilakukan oleh manusia yang menyebabkan mereka menerima balasan buruk dari Allah s.w.t seperti ayat 59 surah Maryam yang bermaksud : “*maka datanglah sesudah mereka pengganti yang jelek yang meninggalkan solat dan memperturutkan hawa nafsunya maka mereka kelak akan menerima kesesatan*” (al-Suyūtīy: 1999: 365)

Perkataan **عمل** telah digugurkan dalam ayat surah Maryam dan disebut dalam ayat surah al-Furqān. Perkataan tersebut merupakan lafaz masdar (مصدر) atau kata terbitan dan ia membawa dua makna. Pertama, menerangkan sifat bagi kata kerja **عمل** dan kedua, menguatkan makna yang ada dalam kata kerja **عمل** (Abbās Hasan: 1347H: jld: 2: 193-202)

Tujuan pengguguran perkataan **عمل** tersebut adalah merujuk kepada ungkapan ayat selepasnya iaitu **فَأُولَئِكَ يَنْدُلُونَ اللَّهَ سِيَّاقَمْ حَسَنَتْ ...** yang bermaksud: “Allah akan membalaas amalan soleh mereka dengan mengubah kejahatan mereka kepada kebaikan dan pembalasan kebaikan akan diberi semasa mereka berada di atas dunia lagi”. Manakala ayat al-Furqān, sambungannya adalah **فَلَا يَرْجُونَ**

الْأَخْلَقِ... yang bermaksud: "Mereka akan masuk ke syurga atas amalan saleh yang mereka lakukan. Dan pembalasan syurga akan berlaku di akhirat nanti (al-Alusiyyah: jld: 19: 50). Oleh yang demikian, penulis berpendapat pengguguran tersebut adalah untuk membezakan dua situasi tersebut, iaitu pembalasan di dunia dan pembalasan di akhirat.

Di samping itu, penulis juga melihat bahawa penyebutan perkataan tersebut dalam surah al-Furqān kerana perlakuan-perlakuan yang tersebut dalam beberapa ayat sebelum ayat di atas adalah perlakuan yang baik kerana ayat-ayat tersebut menerangkan tentang sifat-sifat hamba Allah yang beriman (عِبَادُ الرَّحْمَنِ).

Sebutan perkataan tersebut yang merupakan lafadz maṣdar yang menerangkan makna sifat dan penguat (مَفْعُولٌ مُّطْلِقٌ لِبَيَانِ الصَّفَةِ أَوْ التَّوْكِيدِ) amat sesuai bagi tujuan menguatkan perlakuan yang telah tersebut sebelumnya. Manakala dalam surah Maryam ayat-ayat sebelumnya menceritakan tentang perlakuan-perlakuan negatif seperti dalam ayat berikut :

فَخَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَخْسَأُوا الصَّلَاةَ وَأَتَبْعَاهُمُ الشَّهُورُ فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ غَيَّباً

Maksudnya : "Maka datanglah sesudah mereka pengganti yang meninggalkan sembahyang dan memperturutka hawa nafsu maka mereka kelak akan menemui kesesatan" (Surah Maryam : 59)

12. Ayat pertama: ... وَمِنْكُمْ مَنْ يُرْدَى إِلَى أَرْذَلِ الْعُمُرِ لِكَيْ لَا يَعْلَمَ بَعْدَ عِلْمٍ شَيْئًا ...

Maksudnya : "...Dan di antara kamu ada yang dikembalikan kepada umur yang paling lemah supaya dia tidak mengetahui lagi sesuatu pun yang pernah diketahuinya..." (Surah al-Nahl : 70)

Ayat kedua : ... وَمِنْكُمْ مَنْ يُرْدَى إِلَى أَرْذَلِ الْعُمُرِ لِكَيْ لَا يَعْلَمَ مِنْ بَعْدِ عِلْمٍ شَيْئًا ...

Maksudnya : "...Dan ada pula di antara kamu yang dikembalikan kepada peringkat umur yang lemah supaya dia tidak mengetahui lagi sesuatu pun yang dahulu telah diketahuinya..." (Surah al-Hajj : 5)

Dalam kedua-dua ayat di atas, Allah s.w.t menerangkan tentang peringkat usia manusia di mana ada di kalangan mereka yang Allah lanjutkan usia mereka sehingga ke usia tua dan menjadi lemah serta tidak berdaya. Keadaan tersebut sama dengan keadaan mereka tatkala dilahirkan di mana keadaannya lemah dan tidak bermaya. Hikmat kejadian Tuhan dalam hal tersebut adalah untuk menyatakan kekuasaan Allah yang maha berkuasa ke atas segala kejadianNya (Jalaluddin al-Suyūtiy: 1999: 332).

Kedua-dua ayat di atas hampir sama melainkan terdapat pengguguran partikel مِنْ dalam ayat surah al-Nahl. Dalam konteks ilmu Nahu Arab perkataan "selepas" (بَعْدَ) harus didahului dengan مِنْ atau pun tidak. Apakah hikmat atau rahsia pengguguran perkataan tersebut dalam surah al-Nahl dan penyebutannya dalam surah al-Hajj ?

Hikmat pengguguran dan penyebutan perkataan tersebut boleh dibincangkan dari beberapa aspek. Jika dilihat dari segi pendetaikan cerita atau perkara yang dibincangkan, didapati cerita yang terdapat di dalam surah al-Hajj lebih panjang dan mendalam di mana Allah s.w.t menceritakan tentang peringkat kejadian manusia daripada setitis air mani, kemudian segumpal darah seterusnya seketul daging dan terbentuknya manusia sehingga ke usia tua. Manakala dalam surah al-Nahl ceritanya begitu ringkas dan umum di mana Allah menyatakan bahawa Dialah yang menjadikan dan mematikan manusia. Oleh yang demikian, Penulis berpendapat bahawa pengguguran مِنْ itu untuk menyatakan ringkasnya mesej ayat tersebut dan ia tidak memfokuskan perbincangan tentang hal tersebut. Manakala مِنْ disebut untuk menggambarkan cerita yang lebih panjang dan detail.

Dari aspek lain, Ayat Surah al-Hajj juga di dapati bilangan partikel مِنْ di dalamnya sebanyak 7 kali. Justeru itu, sebutan مِنْ tersebut bertujuan meraikan bilangannya yang banyak dalam ayat tersebut (Abdul Fattah Lasyin: 1990: 113).

13. Ayat pertama : مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ أَكْبَرُ ...

Maksudnya: "...Barangsiapa yang diberi petunjuk oleh Allah, maka dialah yang mendapat petunjuk..." (Surah al-Kahf : 17)

Ayat kedua : ... مَنْ يَهْدِي اللَّهُ فَهُوَ الْمُهَتَّدُ

Maksudnya: "Sesiapa yang diberi petunjuk oleh Allah maka dia lah yang beroleh petunjuk..." (Surah al-A'rāf : 178)

Secara umumnya, kedua-dua ayat di atas membincangkan tentang permasalahan hidayah atau petunjuk kepada kebenaran Islam di mana persoalan hidayah adalah pemberian Allah s.w.t kepada manusia yang berusaha ke arah memperolehi petunjuk tersebut dengan akal yang diberikan kepadanya. Barangsiapa yang berusaha mencari hidayah yang diberi oleh Allah s.w.t maka beliau dari golongan orang-orang yang memperoleh petunjuk kebenaran dari Allah s.w.t. (Wahbah al-Zuhailī : 1991;jld:9;167-169).

Dari sudut struktur ayat, kedua-dua ayat di atas mempunyai susunan yang hampir sama tetapi perkataan الْمُهَتَّدُ dalam surah al-Kahf digugurkan huruf ي.

Mengikut kaedah asal nahu Arab Ism manqus ma'rifat (رَسْمُ الْمَكْنُوقِ الْمَعْرِفَةِ)

hendaklah dinyatakan huruf ي seperti yang terdapat dalam surah al-A'raf.

Apakah tujuan pengguguran huruf tersebut dalam surah al-Kahf? Penulis mendapati keadaan ini melibatkan beberapa surah yang lain seperti surah al-Isra' ayat 62, surah al-Baqarāt ayat 150 dan lain-lain pada perkataan-perkataan seperti أَخْزَنِينِ dan إِخْشُونِ dan lain-lain.

Kalau dilihat dari segi pendetailan perbincangan ayat, didapati ayat yang terdapat huruf ى lebih panjang dan detail. Dalam ayat surah al-A'rāf, Allah s.w.t telah menyebut tentang persoalan hidayah dari ayat 178 sehingga ayat 186 dengan panjang lebar samada dari segi puncanya dan sebab-sebab hidayah yang tidak diperolehi seperti yang terdapat dalam ayat 179 surah al-A'rāf, kesan mereka yang tidak memperolehi hidayah seperti yang terdapat dalam ayat 182-183 surah al-A'rāf dan lain lain. Sebaliknya ayat dalam surah al-Kahf persoalan hidayah tersebut hanya diselitkan sahaja di dalam cerita ash'abul kahfi. Begitu juga dalam ayat yang lain, umpamanya antara ayat 150 surah al-Baqarāt dengan ayat 3 surah al-Māidat. Ayat-ayat tersebut seperti berikut:

فَلَا تَخْشُوْهُمْ وَ اخْشَوْنِي وَ لَا يَمْ نَعْمَلُ عَلَيْكُمْ وَ لَعَلَّكُمْ مُنْتَدِونَ

Maksudnya: ...Maka janganlah kamu takut kepada mereka dan takutlah kepadaKu. Dan agar Ku sempurnakan nikmatKu ke atasmu dan supaya kamu mendapat pentunjuk.

فَلَا تَخْشُوْهُمْ وَ اخْشَوْنِي الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَ أَنْتُمْ عَلَيْكُمْ لَفْظِي وَ رَضِيْتُ لَكُمْ

الإِسْلَامُ دِينًا...

Maksudnya: ...Dan janganlah kamu takut kepada mereka dan takutlah kepadaKu. Dan pada hari ini Aku sempurnakan untuk kamu agamamu dan telah Ku cukupkan nikmatKu kepadamu. Dan telah Aku reda Islam itu sebagai agama kamu...

Begitu juga dalam ayat 44 surah al-Māidat dengan ayat 10 surah al-Munāfiqūn dan lain-lain.

Kesimpulannya, pengguguran huruf tersebut merujuk kepada perbincangan yang ringkas yang terdapat dalam ayat tersebut berhubung tajuk-tajuk tertentu. Manakala sebutan huruf tersebut adalah untuk menyatakan bahawa perbincangan tentang sesuatu tajuk itu panjang dan detail.

14. Ayat pertama : *الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ فَلَا تَكُونُ مِنَ الْمُمْتَرِينَ*

Maksudnya : "(Apa yang telah Kami ceritakan), itulah yang benar, yang datang dari Tuhanmu kerana itu janganlah kamu termasuk dari golongan orang-orang yang ragu (Surah *Āli l'mrān* : 60).

Ayat kedua : *الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ فَلَا تَكُونُ مِنَ الْمُمْتَرِينَ*

Maksudnya : "Perkara yang benar ialah yang datang dari Tuhanmu maka jangan sekali-kali engkau menjadi dari kalangan orang-orang yang ragu (Surah *al-Baqarat* : 147).

Ayat dalam surah *al-Baqarat* dan surah *Āli l'mrān* di atas menerangkan bahawa kebenaran itu hanya datang dari Allah s.w.t bukan dari yang selainnya. Kebenaran tersebut melibatkan segala perintah Allah dan larangannya. Justeru itu, janganlah kamu yakni Nabi Muhammad s.a.w dan umatnya berasa ragu dengan segala yang telah diperintahkan kepada mereka (Wahbah al-Zuhailiy : 1991: jld: 2: 24).

Ayat di dalam surah Āli l'mrān digugurkan huruf Nūn yang bersabdu dan huruf illah "wāw". Fungsi huruf و yang bersabdu atau distilahkan sebagai nūn tawķid (نُون التَّوْكِيد) adalah untuk menguatkan sesuatu kenyataan. Mengapakah ayat dalam surah al-Baqarāt dikuatkan dengan Nūn tawķid bersabdu dan tidak di dalam surah Āli l'mrān?

Kedua-dua ayat ini secara zahirnya ditujukan kepada Nabi Muhammad s.a.w tetapi hakikatnya ditujukan kepada seluruh umat Muhammad s.a.w kerana Nabi Muhammad s.a.w tidak mungkin meragui akan segala yang disampaikan oleh Allah kepadanya (al-Qurtubīy : 1999: jld: 2: 103).

Ayat di dalam surah al-Baqarāt menerangkan tentang perubahan kiblat dari baitul Maqdis ke Ka'bāt, manakala ayat surah Āli l'mrān menerangkan tentang kerasulan Nabi Isa a.s, mukjizatnya dan lain-lain. Kenapa ayat surah Āli l'mrān yang menerangkan tentang Nabi Isa a.s tidak disebut nūn tawķid (نُون التَّوْكِيد)?, sedangkan kisah Nabi Isa a.s seperti yang dinyatakan oleh al-

Quran mendapat tentangan dari orang-orang Nasrani dan memerlukan nūn tawķid (نُون التَّوْكِيد) untuk tujuan menguatkan kenyataan. Penulis berpendapat ayat Ali-l'mran digugurkan nūn tawķid (نُون التَّوْكِيد) bersesuaian dengan kaedah Balāghat

Arab yang dinamakan خُرُوج الْكَلَام عَنْ مِقْضَى الظَّاهِرِ iaitu, suatu perbincangan tentang partikel penguat yang tidak mengikut kaedah asal tanpa menggunakan

partikel penguat dalam kenyataan yang diragui atau dingkari disebabkan oleh beberapa perkara, antaranya ialah perkara tersebut telah jelas berdasarkan bukti-bukti dari segi sejarah, akal, realiti dan lain-lain (Fadl A'bbās :1991: 135-136). Sesungguhnya kisah Nabi Isa a.s seperti yang dijelaskan dalam al-Quran itu benar, tepat dan jelas. Kerana itulah Allah s.w.t menyatakan dalam ayat selepasnya yang berbunyi :

فَمَنْ حَاجَكَ فِي هُوَ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَ مِنَ الْعِلْمِ...

Maksudnya : "Sesiapa yang membantah mu tentang kisah Isa sesudah datang ilmu (yang meyakinkan kamu)...." (Surah Āli l'mrān: 61)

Ayat ini menerangkan bahawa segala berita yang disampaikan oleh al-Quran berhubung Nabi Isa a.s itu adalah benar dan jelas.

Manakala ayat surah al-Baqarah disertai dengan nūn tawķid (نُونُ السُّتُورِ كَبِيرٍ)

kerana ayat tersebut ditujukan kepada para sahabat berhubung pertukaran kiblat dari baitul Maqdis ke Ka'bat. Dari perspektif Sejarah, kesan perubahan telah menimbulkan beberapa keraguan kepada para sahabat antaranya seperti yang diceritakan oleh Barā' bin A'zib yang keliru dan ragu-ragu dengan perubahan tersebut lantas ia bertanya Nabi Muhammad s.a.w yang bermaksud "Bagaimana saudara-saudara kami yang telah meninggal dunia dan mereka dahulu melakukan solat dengan mengadap ke arah Baitul Maqdis" (Al-Qurtubiyy 1999: jld:1:157). Justeru itu, penambahan partikel penguat bersesuaian dengan khīṭāb (خطاب)

atau ucapan ayat atau keadaan mereka yang ditujukan ayat tersebut.

15. Ayat pertama : كَلَا سُوفَ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: Dan Janganlah begitu, kelak kamu akan mengetahui (Surah al-Takāthur :3)

Ayat kedua : ثُمَّ كَلَا سُوفَ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: "Jangan sekali-kali (bersikap demikian) kamu akan mengetahui kelak (akibatnya yang buruk)" (Surah al-Takāthur :4)

Kedua-dua ayat dalam surah al-Takāthur adalah kesinambungan dari tempelakan al-Quran terhadap mereka yang lahal dari melakukan kebaikan oleh sikap berlumba-lumba mahu mengejar harta yang banyak dan lain lain. Justeru itu, Allah s.w.t menegaskan bahawa sikap yang seperti itu perlu ditinggalkan dan andainya kamu terus bersikap begitu, maka kamu akan mengetahui kesan dan balasan yang buruk yang akan kamu terima. (al-Tha'ālibī: 1998: jld:5:623)

Kedua-dua ayat di atas dalam surah yang sama, iaitu ayat 3 dan 4 dari surah al-Takāthur. Kedua-dua ayat tersebut sama strukturnya tetapi ayat 3 digugurkan partikel ثُمَّ. Apakah rahsia yang terdapat disebalik pengguguran tersebut ?

Pengguguran ثُمَّ dalam ayat 3 dan sebutannya dalam ayat 4 adalah untuk menyatakan bahawa peringatan yang kedua itu lebih keras (Al-Zamakhsharī:

1995 : jld: 4: 798 / al-Alūsiy: t.t: jld: 30: 224) memandangkan hal tersebut sangat bahaya dan memberi kesan yang sangat buruk.

Menurut Saidina Ali, ayat 3 merujuk kepada kesan yang akan diterima di dalam kubur, iaitu azab kubur, manakala ayat 4 merujuk kepada pembalasan di hari kebangkitan (al-Thālibiy: 1998: jld: 5: 623). Justeru itu, pengguguran tersebut bertujuan untuk membezakan dua situasi pembalasan tersebut.

Al-Sya'rawiy (1995:jld:1:268) menyatakan penambahan ﴿ مُنْهَى مُنْهَى ﴾ membawa maksud beransur-ansur dan teratur (للترجي والترتيب), iaitu kesan dan pembalasan tersebut akan diketahui secara beransur ansur samada di dunia atau di akhirat.

Penulis berpendapat pengguguran ﴿ مُنْهَى مُنْهَى ﴾ dalam ayat 3 dan sebutannya dalam ayat 4 bertujuan mewujudkan rentak bacaan. Sesungguhnya keunikkan al-Quran terserah dari pelbagai aspek, antaranya susunan dan rentak bacaan yang sangat indah dan menarik. Sekiranya lafadz ﴿ مُنْهَى مُنْهَى ﴾ tidak disebut dalam ayat 4 maka rentak bacaan akan menjadi sumbang. Kerana itu, Mustafā Ṣādiq al-Rifa'i (1990: 214-215) menyatakan setiap susunan perkataan al-Quran mempunyai rentak yang tersendiri yang istimewa dan amat berbeza dari kata-kata yang lain.

16. Ayat pertama : فَإِنْ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

Maksudnya : "Kerana sesungguhnya tiap-tiap kesukaran ada disertai dengan kemudahan" (Surah al-Insyirāh : 5).

Ayat kedua : إِنْ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

Maksudnya : "Sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan" (Surah al-Insyirah : 6)

Dalam kedua-dua ayat di atas Allah s.w.t menerangkan bahawa di dalam setiap kesusahan yang menimpa manusia itu akan ada kesenangan. Ia merupakan suatu bentuk penenang yang diberikan oleh Allah s.w.t kepada hambanya di mana setiap manusia akan berasa tenang dan bersikap optimis apabila ditimpa sebarang kesusahan dan malapetaka kerana mereka merasakan bahawa kesusahan yang menimpa itu akan hilang dan digantikan dengan kesenangan (al-Tabarīy:1995: jld:2:545).

Di dalam ayat 6 digugurkan huruf fā` (ﻑ) sebaliknya ia disebut dalam ayat 5 yang sebelumnya. Kedua-dua ayat adalah dalam surah yang sama. Apakah rahsia pengguguran tersebut ?

Berdasarkan pemerhatian penulis terhadap kebanyakan buku-buku tafsir yang penting, penulis mendapati hampir kebanyakan ahli tafsir berpendapat bahawa tujuan penambahan huruf fā` dalam ayat 5 bertujuan untuk

menguatkan kenyataan tersebut (al-Tabarī:1995: jld: 2: 545 , al-Thālibī: 1998: jld: 5: 604-605).

Huruf ف dalam ayat 5 diklasifikasikan sebagai fa' Sababiyyat (فَاءُ السَّبَيْةِ) atau fa' a'tifat (فَاءُ الْعَاطِفَةِ) (Bahjat Šāleh :1993: jld: 12: 123). Ia dianggap sebagai fa' sababiyyat kerana ayat yang berikutnya itu adalah merupakan sebab kepada sesuatu, iaitu ayat tersebut menjadi sebab kepada kenyataan berikut yang bermaksud: 'Janganlah kamu berputus asa kerana...maka sesungguhnya bersama kesusahan itu ada kesenangan' (Bahjat Šāleh:1993: jld: 12: 125). Manakala fa' al-a'tifat membawa makna mengiringi secara segera atau beransur-ansur (لِلتَّعْقِيْتِ وَالشَّرْتِ) (Ibn Hisyām: 1997: jld:1:324-326).

Penulis berpendapat penambahan fa' yang membawa makna ta'qib dan tartib itu untuk menunjukkan bahawa kesenangan yang akan datang selepas kesusahan itu mungkin datang secara segera atau beransur ansur.

Di samping itu, penulis juga melihat bahawa pengguguran dan penambahan huruf tersebut untuk mewujudkan rentak bacaan yang menarik seperti yang dijelaskan dalam analisis kelima belas.

وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضٍ أَوْ عَلَى سَفَرٍ أَوْ حَاجَةً أَحَدٌ مِّنْكُمْ مِّنَ الْعَابِطِ أَوْ لَمْسِتُمُ النِّسَاءَ :

فَلَمْ يَجِدُوا مَاءً فَتَمْسَمُوا صَعِيدًا طَيْبًا فَامْسَحُوا بِهِ وَجْهُكُمْ وَأَيْدِيهِكُمْ

Maksudnya : "...Dan jika kamu sakit atau sedang dalam musafir atau kembali dari tempat buang air atau kamu telah menyentuh perempuan kemudian kamu tidak mendapat air maka bertayammumlah kamu dengan tanah yang baik (suci) sapulah mukamu dan tanganmu ..." (Surah al-Nisā' : 43)

وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضٍ أَوْ عَلَى سَفَرٍ أَوْ حَاجَةً أَحَدٌ مِّنْكُمْ مِّنَ الْعَابِطِ أَوْ لَمْسِتُمُ النِّسَاءَ

فَلَمْ يَجِدُوا مَاءً فَتَمْسَمُوا صَعِيدًا طَيْبًا فَامْسَحُوا بِهِ وَجْهُكُمْ وَأَيْدِيهِكُمْ مِّنْهُ

Maksudnya : "...Dan jika kamu sakit atau sedang dalam musafir atau kembali dari tempat buang air atau kamu telah menyentuh perempuan kemudian kamu tidak mendapat air maka bertayammumlah dengan tanah yang suci, iaitu sapukanlah akan muka kamu dan kedua belah tangan kamu daripadanya..." (Surah al-Māidat : 6)

Kedua-dua ayat di atas menerangkan tentang permasalahan hukum feqah, iaitu berhubung dengan tayammum di mana apabila berlaku perkara-perkara yang tersebut dalam ayat di atas seperti sakit yang tidak boleh menggunakan air atau bermusafir atau berhadas samada kecil atau besar atau bersentuh kulit dengan perempuan. Andainya air tidak ada untuk membolehkannya berwuduk maka hendaklah ia bertayammum dengan menyapu muka dan kedua tapak tangan dengan debu tanah yang bersih. (Ibn Kathīr: 1997: jld:1: 439-440).

Kedua-dua ayat di atas agak panjang dan hampir sama susunannya tetapi ayat di dalam surah al-Nisā' digugurkan perkataan ^{هُنَّا} dan ia disebut dalam ayat surah al-Māidat. Perkataan yang digugurkan itu bermaksud "daripadanya". Apakah tujuan pengguguran tersebut ?

Menurut al-Karmānīy (1976: 112) pengguguran ^{هُنَّا} dalam ayat surah al-Nisā' kerana perbincangan tentang wuduk dan tayamum di dalamnya lebih ringkas berbanding penerangan yang terdapat di dalam surah al-Māidat di mana perbincangannya lebih detail.

Dari sudut ilmu feqah, penulis berpendapat penambahan lafadz ^{مِنْ} untuk memudahkan lagi konsep tayammum itu sendiri di mana ^{مِنْ} dalam ayat ini bermaksud sebahagian ^(لِتَبْعِضُ), yakni sebahagian dari debu. Kerana itu, dalam mazhab Imam al-Syafi'iyy debu yang melayang juga sah dibuat tayammum (al-Syarbīny: 1997: jld: 1: 153-154) bahkan sebahagian ulamak berpendapat bahawa segala apa yang terhasil dari tanah seperti dinding tanah, pokok dan lain-lain juga sah dibuat tayammum (Al-Qurtubīy: 1999: jld: 3: 236-239). Justeru itu, penambahan ^{هُنَّا} merujuk kepada memberi keringanan (^{رِحْصَةً}). Kerana itu ayat surah al-Māidat diakhiri dengan ayat berikut:

مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُم مِّنْ حَرَجٍ ...

Maksudnya : "Allah bukanlah menghendaki kesusahan ke atas kamu..." (Surah al-Maidat: 6)

18. Ayat pertama : ... حَاهِدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ ...

Maksudnya : "..Mereka berjihad dengan harta mereka dan diri mereka..." (Surah al-Taubat : 88).

Ayat kedua : ... حَاهِدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللهِ ...

Maksudnya : "...Mereka berjihad dengan harta mereka dan jiwa mereka di jalan Allah..." (Surah al-Anfāl: 72).

Kedua-dua ayat membincangkan tentang pengorbanan dan jihad yang dilakukan samada pengorbanan harta benda atau jiwa raga. (Abu Bakar al-Jazairiy :1419H: jld:2:409-410 / jld:2:333). Persoalan yang timbul dari kedua-dua ayat di atas ialah kenapa Allah s.w.t menggugurkan ungkapan في سَبِيلِ اللهِ

yang bermaksud "di jalan Allah" dalam ayat surah al-Taubat dan mengekalkannya dalam ayat surah al-Anfāl?

Dalam ayat surah al-Taubat ia ditujukan kepada Nabi Muhammad s.a.w dan para sahabatnya. Nabi Muhammad s.a.w adalah manusia yang tertinggi darjah keimannya dan jihadnya sudah pasti jihad di jalan Allah. Begitu juga para sahabat yang diakui oleh Tuhan dengan keredaanNya kepada mereka sepetimana firmanNya:

لَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ وَآتَوْنَاكُمْ نَحْنُ الشَّجَرَةَ ... (الفتح)

Maksudnya : "Sesungguhnya Allah telah reda kepada mereka (para sahabat) yang berjanji setia denganmu di bawah sepoohon pokok..." (Surah al-Fath: 18)

Oleh yang demikian, jihad Nabi Muhammad s.a.w dan jihad para sahabatnya tidak syak lagi merupakan jihad di jalan Allah dan kerana itu Allah s.w.t menggugurkan ungkapan رَبِّ سَبِيلِ اللَّهِ . Di samping itu, dalam perbincangan ilmu al-ma'āni seperti yang dihuraikan dalam bab ketiga antara sebab pengguguran adalah kerana perkara itu telah diketahui dan dimaklumi.

Manakala ayat surah al-Anfāl ditujukan secara umum kepada mereka yang selain dari Nabi Muhammad s.a.w dan para sahabat di mana jihad mereka ada yang menyimpang dari jalan Allah. Oleh itu, disebutkan perkataan tersebut sebagai peringatan kepada mereka.

19. Ayat pertama : ... فَمَا كَانُوا بِلِّي وَمُنْوَأْعَماً كَذَّبُوا مِنْ قَبْلِ ...

Maksudnya : "...Maka mereka juga tidak beriman kepada apa yang dahulunya mereka telah mendustakannya..." (Surah al-A'rāf: 101)

Ayat kedua : ... فَمَا كَانُوا بِلِّي وَمُنْوَأْعَماً كَذَّبُوا يَهُهُمْ مِنْ قَبْلِ ...

Maksudnya : "...dalam pada itu kaum mereka tetap juga tidak mahu beriman kepada apa yang mereka telah mendustakannya sebelum itu..." (Surah Yūnus : 74).

Kedua-dua ayat di atas menerangkan tentang dakwah para Nabi yang didustai oleh kaum mereka. Dakwah ke arah kebenaran yang dijalankan oleh para

Nabi dalam jangka masa yang begitu lama telah didustai oleh kaumnya seperti dalam ayat surah al-A'rāf yang menceritakan tentang Nabi Nūh a.s yang telah berdakwah lebih dari 900 tahun. (Abu Bakar al-Jaza'iriy:1419H: jld:2:212 / jld:4:496)

Jika dilihat dalam kedua-dua potongan ayat di atas susunan perkataannya adalah sama. Kedua-dua potongan ayat di atas juga berada di pertengahan ayat. Persoalannya kenapa ayat dalam surah al-A'rāf digugurkan perkataan بَعْدَ ؟

Ayat dalam surah Yūnus menceritakan dengan jelas berhubung Nabi Nūh a.s yang didustai oleh kaumnya yang melibatkan ayat 71 hingga ayat 74. Secara menyeluruh ayat 74 adalah seperti berikut :

فُمْ بَعْثَنَا مِنْ بَعْدِهِ رُسُلًا إِلَيْ قَوْمِهِمْ فَحَاجَوْهُمْ وَهُمْ يَأْتِيُنَّ فَمَا كَانُوا لِيُؤْمِنُوا بِكَذِبِ رَبِّهِمْ مِنْ قَبْلِ

كَذِلِكَ نَطَبِعُ عَلَى قُلُوبِ الْمُعْتَدِينَ

Maksudnya : Kemudian sesudah Nuh Kami utus beberapa rasul kepada kaum mereka (masing-masing) maka rasul-rasul itu datang kepada mereka dengan membawa keterangan-keterangan yang nyata, tetapi mereka tidak hendak beriman kerana mereka dahulu telah (biasa) mendustakannya. Demikianlah Kami mengunci mati hati orang-orang yang melampaui batas. (Surah Yūnus : 74)

Dalam ayat ini, terdapat perkataan gantinama yang sama yang merujuk kepada Nabi Nūh a.s iaitu بَعْثَنَا مِنْ بَعْدِهِ . Justeru itu, penulis berpendapat

penambahan perkataan مِنْ adalah untuk menyesuaikan kewujudan perkataan tersebut dalam ayat yang lain.

Berbeza dengan ayat surah al-A'rāf yang tidak ditentukan pendustaan tersebut terhadap sesiapa bahkan ditujukan secara umum sahaja walaupun kisah sebelumnya merujuk kepada Nabi Syu'aib a.s namun kisah Nabi Syu'aib a.s berakhir di ayat 95 surah al-A'rāf. (al-Karmānīy:1976: 74).

20. Ayat pertama : مَا لَمْ تُسْطِعْ عَلَيْهِ صَرْرًا

Maksudnya : "...Demikian itu adalah tujuan perbuatan-perbuatan yang kamu tidak dapat bersabar terhadapnya" (Surah al-Kahf : 82)

Ayat kedua : مَا لَمْ تُسْطِعْ عَلَيْهِ صَرْرًا

Maksudnya : "...(Kejadian itu) yang engkau tidak dapat bersabar mengenainya"
(Surah al-Kahf : 78)

Kedua-dua ayat merupakan jawapan Nabi Khidir a.s terhadap kegagalan Nabi Musa a.s dalam ujian yang ditempuhinya. Ayat 78 adalah kata-kata Nabi Khidir a.s tatkala Nabi Musa a.s masih mempersoalkan tindakannya. Manakala ayat 82 adalah jawapan Nabi Khidir a.s setelah selesai menjelaskan kepada Nabi Mūsā a.s sebab-sebab tindakkannya. (al-Qāsimīy:1998: jld: 5: 43 /47)

Kedua-dua ayat mempunyai susunan dan struktur yang sama dari ayat 78 dan 82 surah al-kahf. Kenapa dalam ayat 82 pada perkataan نَسْطَعْنَ digugurkan huruf tā' (ت) sedangkan huruf tersebut disebut dalam ayat 78 ?

Pengguguran huruf tā' ت dalam kata kerja نَسْطَعْنَ dari sudut bahasa bertujuan untuk meringankan sebutannya (لِتُخَفِّيْفَ). Ayat 78 diungkapkan selepas Nabi Musa a.s gagal dalam ujian yang dilaluinya bersama Nabi Khidir a.s. Kegagalan ini sudah tentu menjadi suatu perkara yang berat bagi Nabi Musa a.s dan dalam masa yang sama Nabi Musa a.s belum mengetahui dengan jelas punca kegalannya. Suasana yang berat ini diisyaratkan oleh al-Quran dengan huruf ta' tersebut. Sebaliknya dalam ayat 82, ia diungkapkan selepas Nabi Musa a.s mendapat penjelasan yang panjang lebar dari Nabi Khidir a.s tentang kegalannya itu. Penjelasan tersebut membuatkan Nabi Musa a.s mengakui akan kegalannya dan menjadikannya lebih tenang. Bagi menggambarkan ketenangan tersebut maka Allah menggugurkan huruf ta' tersebut bersetujuan dengan tujuan penggugurnya dari sudut bahasa (al-Alūsiy: t.t :jld:16: 76).

21. Ayat pertama : ... يَكُفُّرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ النَّبِيِّنَ بِغَيْرِ حُقُّ...

Maksudnya : "... Orang-orang yang kufur kepada ayat-ayat Allah dan membunuh para Nabi dengan tanpa kebenaran..." (Surah Āli I'mrān : 21)

Ayat kedua : ... يَكُفُّرُونَ بِرَبِّيْلَاتِ اللَّهِ وَ يَقْتُلُوْنَ النَّبِيِّنَ بِغَيْرِ الْحَقِّ ...

Maksudnya : "...mereka kufur dengan ayat ayat Allah dan membunuh para Nabi dengan tanpa kebenaran..." (*Surah al-Baqarat* : 61)

Kedua-dua ayat di atas menerangkan tentang kejahatan Bani Israel di mana antara kejahatan yang dilakukan oleh mereka adalah mengingkari kebenaran kitab- kitab yang diturunkan oleh Allah kepada para RasulNya. Di samping itu, mereka juga membunuh para Rasul dan Nabi dengan kejam dan zalim. (Ibn Kathīr: 1997: jld: 1: 104)

Dalam kedua-dua ayat di atas terdapat sedikit perbezaan di mana dalam ayat surah Āli l'mrān digugurkan alif lam (ال) pada perkataan ^{الْحَكْمَةُ} dan dalam ayat surah al-Baqarat disebut alif lām. Pengguguran ال dalam kata nama disebut sebagai ism Nakirat (indefinite noun). Manakala sebutannya dalam surah al-Baqarat disebut sebagai ism ma'rifat (definite noun). Apakah hikmat pengguguran ال dalam surah Āli-l'mrān ?

Al-Alūsī (t.t.: jld:1: 276-277) berpendapat bahawa pengguguran tersebut untuk menyatakan bahawa pembunuhan yang mereka (Yahudi) lakukan terhadap para Nabi itu dari sudut pandangan agama dan kepercayaan mereka sendiri juga adalah salah dan terkutuk. Sebaliknya jika disebut ال maka pernyataan tersebut adalah lebih umum.

Selain itu, sebutan الـ dalam ayat al-Baqarat merujuk kepada sesuatu perkara yang telahpun tersebut sebelumnya (الْعَهْدُ), dan didapati dalam ayat tersebut ada dikisahkan serba sedikit berhubung sikap buruk orang-orang Yahudi seperti tidak sabar, mencabar Nabi Mūsā a.s dan lain lain (al-Alūsiy: t.t: jld:1: 276).

Penulis berpendapat tujuan penggunaan alif lam pada perkataan **غَمْرَ الْأَنْتَقِ** bersesuaian dengan pebincangan ilmu al-ma'āni yang bertujuan untuk membesarkan perkara itu (**نَكْرَةُ الْتَّنْطِيمِ**), iaitu kebenaran yang semua orang melihatnya dan membeskannya sebagai sesuatu yang benar. Sesungguhnya perlakuan Bani Israel seperti membunuh para Nabi itu bercanggah dengan kebenaran yang ideal, kerana para Nabi yang dibunuh itu hanyalah mengajak mereka kepada kebaikan dan meninggalkan segala keburukan. Apabila dikatakan mereka membunuh tanpa kebenaran bererti semua orang melihatnya sebagai suatu perbuatan yang zalim dan kejam.

22. Ayat pertama : ...وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ اجْعَلْ مَذَا بَلَّدَ آوِيًّا ...

Maksudnya : "...Dan ingatlah ketika Ibrahim berdoa 'Ya Tuhan jadikanlah negeri ini negeri yang aman sentosa ..." (Surah al-Baqarat : 126)

25. Ayat pertama : إِذْ قَالَ لِأُنْجِيْهِ وَقَوْمِهِ مَا تَعْبُدُوْنَ

Maksudnya : "Ketika ia berkata kepada bapaknya dan kaumnya "Apakah yang kamu sembah ? " (Surah al-Syu'arā' : 70)

Ayat kedua : إِذْ قَالَ لِأُنْجِيْهِ وَقَوْمِهِ مَاذَا تَعْبُدُوْنَ

Maksudnya : "(Ingatlah) ketika ia berkata kepada bapanya dan kaumnya 'apakah yang kamu sembah itu ?'" (Surah al-Saffat : 85)

Kedua-dua ayat di atas adalah rentetan dari kisah perdebatan antara Nabi Ibrahim a.s dan bapanya yang tidak mahu beriman dengan dakwah yang disampaikan oleh Nabi Ibrāhīm a.s. Nabi Ibrāhīm a.s telah berhujah samada berhala yang disembah itu dapat memberi sebarang kesan kebaikan atau keburukan sehingga bapanya menyembahnya. Sesungguhnya apa yang dilakukan oleh bapanya dan kaumnya itu hanyalah mengikut amalan datuk nenek mereka yang terdahulu (Ibn Kathīr: 1997: jld: 4: 13)

Kedua-dua ayat di atas sama struktur dan susunan ayatnya tetapi ayat di dalam surah al-Syu'arā' digugurkan lafaz *إِذْ* di mana perkataan ini dalam nahu

Arab adalah kata penunjuk (إِسْمُ الْإِشَارَةِ). Apakah hikmat pengguguran tersebut ?

Dan apabila fokus makna ditujukan kepada aman, maka ayat tersebut bermaksud seperti berikut: "...Jadikanlah Mekah (negeri yang menakutkan) kepada aman...". Al-Alūsīy(t.t: jld: 13: 233) menjelaskan kenyataan al-Zamakhsharī dengan dua ayat berikut :

رَاجِعُهُ هَذَا الْخَاتَمُ حَسَنًا

رَاجِعُهُ هَذَا خَاتَمًا حَسَنًا

Maksudnya : jadikan cincin ini kepada bentuk yang baik..

Permintaan dalam ayat pertama merujuk kepada cincin dan ayat kedua merujuk kepada sifat baik. Apabila diaplikasikan dalam rentetan kisah yang disampaikan dalam kedua-dua surah itu didapati ia bertepatan dengan apa yang dinyatakan di atas.

Al-Karmāniy (1976:86) menyatakan bahawa alif lam ال tersebut adalah

الْمُتَعَدِّدُ، iaitu untuk menunjukkan bahawa perkataan atau hal tersebut telah dinyatakan sebelumnya kerana itu disebut ال dalam surah Ibrahim bagi menyatakan bahawa perkataan ال telah disebut di dalam surah al-Baqarat.

23. Ayat pertama : ... مَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخْرَ ...

Maksudnya : "...Barangsiapa di antara kamu ada yang sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka) maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu..." (Surah al-Baqarat : 184)

Ayat kedua : ... مَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخْرَ ...

Maksudnya : "... Barangsiapa sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka) maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggakkannya itu pada hari-hari lain..." (Surah al-Baqarat : 185)

Perbincangan yang diketengahkan oleh kedua-dua ayat di atas berhubung permasalahan puasa di mana mereka yang sakit atau bermusafir maka harus baginya berbuka puasa, tetapi hendaklah ia mengganti puasa ramadan yang ditinggalkan pada hari-hari lain dalam bulan yang lain.

Dalam ayat 185 digugurkan perkataan مِنْكُمْ manakala dalam ayat 184

ditirangi dengan perkataan مِنْكُمْ . Apakah tujuan pengguguran tersebut ?

Secara fizikal, kita melihat tujuan pengguguran perkataan مِنْكُمْ dalam ayat 185 kerana perkataan مِنْكُمْ telahpun tersebut sebelumnya, iaitu:

...فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلِيصُمِّهُ وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخْرَ ...

Berbeza dengan ayat 184, iaitu :

أَيَّامًا مَعْدُودَاتٍ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مُرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعُذْتَهُ مِنْ أَيَّامٍ أُخْرَ...

di mana perkataan **مِنْكُمْ** belum tersebut sebelumnya. Justeru itu, ia disebut dalam ayat ini. (al-Karmānīy : 1976: 76)

Di samping itu, penyebutannya atau penggugurnya tidak memberi kesan kepada makna atau struktur ayat tersebut, kerana itu ia digugurkan dalam ayat 185.

24. Ayat pertama : ... وَقُتِلُوهُمْ حَتَّى لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ لِلَّهِ ...

Maksudnya : "Dan perangilah mereka itu, sehingga tidak ada lagi fitnah dan sehingga ketataan itu hanya semata-mata untuk Allah..." (Surah al-Baqarah: 193)

Ayat kedua : ... وَقُتِلُوهُمْ حَتَّى لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ كَلِمَةَ اللَّهِ ...

Maksudnya : "Dan perangilah mereka supaya jangan ada fitnah dan supaya agama itu semata mata untuk Allah..." (Surah al-Anfāl : 39)

Kedua-dua ayat di atas menerangkan tentang kebenaran untuk berperang kepada orang-orang Islam apabila mereka diperangi. Tujuan peperangan di dalam Islam untuk menghapuskan fitnah yakni kekufuran, kezaliman, penindasan, kesesatan dan lain-lain yang berlaku dalam masyarakat. Peperangan juga bertujuan untuk membela agama Allah di atas muka bumi ini (Wahbah al-Zuhailiy: 1991: jld: 2: 180-181)

Perbezaan yang terdapat dalam kedua-dua ayat di atas adalah pengguguran perkataan **كُلَّهُ** dalam ayat 193 surah al-Baqarat. Apakah hikmat pengguguran tersebut?

Menurut al-Karmāniy (1976:56), hikmat pengguguran perkataan **كُلَّهُ** adalah untuk membezakan *khitab* (خطاب) atau ucapan kepada siapa ditujukan ayat tersebut. Ayat dalam surah al-Baqarat adalah berkisar tentang penduduk muysirkin Mekah yang menzalimi orang-orang Islam, manakala ayat surah al-Anfal lebih umum dan ditujukan kepada semua orang kafir. Justeru itu, pengguguran **كُلَّهُ** untuk menyatakan perbezaan *خطاب* yang terdapat dalam kedua-dua ayat tersebut.

Penulis berpendapat tujuan sebutan perkataan **كُلَّهُ** dalam ayat surah al-Anfal sebagai *tawķid* (توكيد) atau penguat kepada kenyataan yang disampaikan di mana jika dilihat dari konteks nahu Arab perkataan **كُلَّهُ** diklasifikasikan sebagai **توكيد لفظي**.

25. Ayat pertama : إِذْ قَالَ لِأُنْجِيْهِ وَقَوْمِهِ مَا تَعْبُدُونَ

Maksudnya : "Ketika ia berkata kepada bapaknya dan kaumnya "Apakah yang kamu sembah ? " (Surah al-Syu'arā' : 70)

Ayat kedua : إِذْ قَالَ لِأُنْجِيْهِ وَقَوْمِهِ مَاذَا تَعْبُدُونَ

Maksudnya : "(Ingatlah) ketika ia berkata kepada bapanya dan kaumnya 'apakah yang kamu sembah itu ?'" (Surah al-Saffat : 85)

Kedua-dua ayat di atas adalah rentetan dari kisah perdebatan antara Nabi Ibrahim a.s dan bapanya yang tidak mahu beriman dengan dakwah yang disampaikan oleh Nabi Ibrāhīm a.s. Nabi Ibrāhīm a.s telah berhujah samada berhala yang disembah itu dapat memberi sebarang kesan kebaikan atau keburukan sehingga bapanya menyembahnya. Sesungguhnya apa yang dilakukan oleh bapanya dan kaumnya itu hanyalah mengikut amalan datuk nenek mereka yang terdahulu (Ibn Kathīr: 1997: jld: 4: 13)

Kedua-dua ayat di atas sama struktur dan susunan ayatnya tetapi ayat di dalam surah al-Syu'arā' digugurkan lafaz *إِذْ* di mana perkataan ini dalam nahu

Arab adalah kata penunjuk (إِسْمُ الْإِشَارَةِ). Apakah hikmat pengguguran tersebut ?

Partikel pertanyaan لِمَ dan لِمَا mempunyai makna yang agak berbeza di mana لِمَا digunakan untuk pertanyaan yang lebih keras dan dalam masa yang sama disertai dengan nada sangkalan (لِلْكُتْفِيْحِ). Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa teguran Nabi Ibrāhīm dalam ayat surah al-Saffat adalah lebih keras (Fadl al-Sāmirā'iy:1997:90-91).

Mengapa di dalam surah al-Syu'arā' al-Quran menggunakan perkataan yang lebih ringan dan lembut berbanding ayat dalam surah al-Saffat? Penulis berpendapat ini merujuk kepada suasana kisah yang disampaikan. Dalam surah al-Syu'arā' kisah yang disampaikan berbentuk hiwar atau komunikasi antara Nabi Ibrāhīm a.s dan penyembah berhala. Justeru itu, pendekatan dakwah yang sesuai pada waktu tersebut adalah dengan cara yang lembut dan berhikmah.

26. Ayat pertama : ...وَلَمَّا حَانَتْ رُوْسُلُنَا لُوطًا سَيِّدِهِمْ وَضَافَهُمْ ذَرْعًا...

Maksudnya : "Dan tatkala datang utusan-utusan Kami (para malaikat) itu kepada Lüt, dia merasa susah dan merasa sempit dadanya...(Surah Hūd :77)

Ayat kedua : ...وَلَمَّا آتَاهُنَّ حَانَتْ رُوْسُلُنَا لُوطًا سَيِّدِهِمْ وَضَافَهُمْ ذَرْعًا...

Maksudnya : "...Dan tatkala datang utusan-utusan kami (para malaikat) itu kepada Lüt dia merasa susah dan sempit dada ..." (Surah al-A'nkabūt : 33)

Kedua-dua ayat di atas merupakan kisah Nabi Lüt a.s dan kaumnya. Tatkala utusan (para malaikat) yang diutuskan kepada kaum Nabi Lüt a.s sampai, Nabi Lüt a.s menjadi bimbang dan gusar kerana sikap kaumnya yang homoseksual. Para malaikat yang diutuskan telah menjelma menjadi pemuda yang tampan, ini menyebabkan Nabi Lüt a.s bertambah bimbang dengan sikap kaumnya yang akan melakukan sesuatu yang keji terhadap para utusan tersebut, tetapi akhirnya kaumnya dimusnahkan dengan diterbalikkan bumi dan dihujani dengan batu-bata yang berapi (al-Baghāwī:1997: jld:2:458 /jld:556).

Dalam ayat surah Hūd digugurkan partikel an (اُنْ) manakala dalam ayat surah al-Ānkabūt disebut partikel itu. Apakah hikmat pengguguran dan penyebutannya ?

Menurut Fadl al-Sāmirā'iy (1997:46) pengguguran اُنْ dalam ayat surah Hūd kerana kisah yang disampaikan lebih ringkas berbanding kisah yang terdapat di dalam ayat surah al-Ānkabūt yang lebih panjang dan detail. Dalam kedua-dua surah, kisah Nabi Lüt a.s telah digabungkan dengan kisah Nabi Ibrāhīm a.s. Ini kerana, para utusan tersebut dihantar kepada kaum Nabi Lüt a.s selepas mereka memusnahkan kaum Nabi Ibrāhīm a.s yang kufur, dan dalam surah al-Ānkabūt kisah Nabi Lüt a.s dan kaumnya lebih panjang berbanding kisah Ibrāhīm a.s dan kaumnya, sebaliknya di dalam surah Hūd kisah Nabi Lüt a.s lebih ringkas berbanding kisah Nabi Ibrāhīm a.s.

Manakala Penambahan **ن** dalam Surah al-Ankabut bertujuan untuk menyatakan bahawa kedatangan para utusan tersebut memakan masa yang agak lama yang membimbangkan Nabi Lüt a.s. Kerana itu, ayat tersebut disambungkan dengan ungkapan-ungkapan supaya Nabi Lüt a.s bertengang seperti:

وَقَالُوا لَا تَعْنِفْ وَلَا تَخْرُنْ...

Maksudnya : "Mereka berkata (para utusan) jangan kamu takut dan jangan bersedih ..." (Surah al-Ankabut: 33).

Hal yang sama juga didapati dalam surah Yūsuf iaitu :

فَلَمَّا أَنْ جَاءَ الْبَشِيرُ أَلْقَهُ عَلَى وَجْهِهِ فَارْتَدَ بَصِيرًا...

Maksudnya : "Tatkala telah tiba pembawa khabar gembira itu maka diletakkannya baju gamis itu ke wajah Ya'qūb lalu kembalilah dia dapat melihat ... " (Surah Yūsuf : 96)

Ayat ini menjelaskan bahawa Nabi Ya'qūb a.s menunggu agak lama dan lambat tentang kepulangan dan kedatangan Nabi Yūsuf. Justeru itu, ia perlu ditambah partikel **أَنْ**.

Penulis berpendapat penambahan partikel **ن** membawa makna penguat di mana **ن** yang datang selepas perkataan **ك** merupakan partikel tambahan (حُرُوفٌ زَائِدَةٌ) dan partikel tambahan berfungsi sebagai penguat dari perspektif

Balaghah Arab (al-Hasan al-Murādiy :1992: 222-223). Oleh yang demikian, partikel tersebut menguatkan kenyataan tentang kedatangan utusan tersebut, di mana kedatangannya adalah sesuatu yang pasti.

27. Ayat pertama : ... قَالُوا إِنَّمَا أَنْتَ مِنَ الْمُسَحَّرِينَ ، مَا أَنْتَ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا

Maksudnya : "Mereka berkata: Sesungguhnya kamu adalah salah seorang dari orang-orang yang kena sihir. Kamu tidak lain melainkan seorang manusia seperti kami" (Surah al-Syu'arā' : 153-154)

Ayat kedua : ... قَالُوا إِنَّمَا أَنْتَ مِنَ الْمُسَحَّرِينَ وَمَا أَنْتَ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا

Maksudnya: "Mereka berkata: Sesungguhnya kamu adalah salah seorang dari orang-orang yang terkena sihir. Kamu tidak lain melainkan manusia seperti kami...." (Surah al-Syu'arā' : 185-186)

Kedua-dua ayat di atas merupakan sebahagian dari kisah Nabi Šaleh a.s dan Nabi Syu'aib a.s di mana dalam dakwah mereka berdua kepada kaum mereka, mereka telah dituduh sebagai orang gila yang terkena sihir. Kaum mereka berhujah mengatakan mengapa kami harus mengikuti kamu sedangkan kamu tiada sebarang kelebihan bahkan kamu adalah manusia biasa seperti kami (Wahbah al-Zuhailiy: 1991: jld: 19: 200-201 / jld: 19: 213).

Ayat-ayat di atas mempunyai susunan yang sama, juga dalam surah yang sama namun ayat 154 digugurkan partikel waw (و) yang bermakna 'dan' yang merupakan partikel penyambung (حُرْفُ الْعَطْفِ).

Sebab pengguguran waw itu merujuk kepada makna yang terdapat dalam perkataan yang sebelumnya, iaitu **الْمُسْحِرِينَ** dalam ayat berikut :

فَلَوْلَا إِنَّكَ أَنْتَ مِنَ الْمُسْحِرِينَ

Maksudnya: "Mereka berkata sesungguhnya kamu adalah salah seorang dari orang-orang yang kena sihir" (*Surah al-Syu'arā': 185*).

Perkataan **الْمُسْحِرِينَ** mempunyai dua makna seperti yang digunakan oleh al-

Quran. Pertama, mereka yang memerlukan makanan dan yang kedua mereka yang terkena sihir (*al-Asfahānīy:1998: 232*). Dalam ayat 153, perkataan **الْمُسْحِرِينَ** sebenarnya bermaksud mereka yang memerlukan makanan (Fadl A'bbaṣ:1991:195-198). Oleh yang demikian, ayat 154 merupakan penguat (تَأكيد) kepada ayat 153 dalam ayat berikut yang bermaksud: "...Sesungguhnya kamu adalah salah seorang yang memerlukan makanan. Kamu adalah manusia seperti kami..." Berdasarkan kaedah ilmu al-ma'āni dalam perbincangan yang bertajuk **الفَصْلُ وَالْوَصْلُ** (pemisahan dan penyambungan ayat), apabila sesuatu

ayat itu merupakan penguat kepada ayat sebelumnya maka , tidak diperlukan dan ini distilahkan sebagai **كِمالُ الْإِتْصَالِ** (penyambungan yang sempurna) (Ali al-

Jārimīy:1965: 230 / Fadl A'bbaṣ: 1991:198). Sebaliknya dalam ayat 185-186 perkataan **الْمُسْحِرِينَ** bermaksud mereka yang terkena sihir. Justeru itu,

penambahan partikel waw ْ وْ adalah untuk menyambungkan antara dua ayat tersebut (عَطْف) (Aliy al-Jārimiy:1980: 233).

Al-Zamakhsyari (1997: jld:3: 338) menyatakan bahawa perbezaan penggugurannya bermakna Muhammad tidak layak menjadi rasul kerana satu sebab, iaitu dia boleh disihir sedangkan rasul tidak begitu. Manakala penyebutannya membawa maksud Muhammad tidak layak menjadi rasul kerana dua sebab, iaitu kerana dia boleh disihir dan kerana dia adalah manusia biasa.

Penggugurannya bermakna Muhammad tidak layak menjadi rasul kerana satu sebab, iaitu dia boleh disihir sedangkan rasul tidak begitu. Manakala penyebutannya membawa maksud Muhammad tidak layak menjadi rasul kerana dua sebab, iaitu kerana dia boleh disihir dan kerana dia adalah manusia biasa.

Kesimpulannya, pengguguran huruf waw dan sebutannya merujuk kepada makna yang terkandung dalam kedua-dua ayat di samping hubungkait dengan kaedah retorik Arab.

28. Ayat pertama : لَكُمْ فِيهَا فِكْهَةٌ كَثِيرَةٌ مِّنْهَا تَأْكُلُونَ

Maksudnya : "Di dalam syurga itu ada buah-buahan yang banyak untuk kamu yang sebahagiannya kamu makan" (Surah al-Zukhruf : 73)

Ayat kedua : لَكُمْ فِيهَا فِكْهَةٌ كَثِيرَةٌ وَّ مِنْهَا تَأْكُلُونَ ...

Maksudnya : "Untuk kamu di dalamnya buah-buahan yang banyak dan sebahagiannya kamu makan" (Surah al-Mukminūn : 19)

Kedua-dua ayat menerangkan tentang nikmat yang dikurniakan oleh Allah s.w.t samada nikmat di dunia ini mahupun nikmat di akhirat, di mana Allah s.w.t

mengurniakan nikmat makanan yang lazat seperti buah-buahan (Ibn Kathīr:1997;jld:3:216).

Kedua-dua ayat mempunyai struktur dan susunan yang hampir sama, kecuali ayat surah al-Zukhruf digugurkan partikel waw. Apakah rahsia di sebalik pengguguran itu?

Menurut Bahjat Abdul Wahid (1993: jld: 7:373) huruf waw dalam ayat surah al-Mukminun adalah waw *a'if* (عَفِيْف) yang bersambung dengan ayat sebelumnya, dan tujuan sebutannya dalam ayat tersebut adalah untuk menerangkan tentang buah-buahan di dunia yang merujuk kepada ayat yang tersebut sebelumnya, iaitu:

فَأَنْشَأْنَا لَكُمْ بِهِ حَسْنَتٍ مِّنْ نَحْنٍ وَأَعْنَبْ لَكُمْ فِيهَا فَاكِهَةَ كَثِيرَةٍ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ

Maksudnya : "Lalu dengan air itu , Kami tumbuhkan untuk kamu-kebun kebun kurma dan anggur, di dalam kebun-kebun itu kamu peroleh buah-buahan yang banyak dan sebahagian dari buah-buahan itu kamu makan (Surah al-Mū'minūn: 19).

Oleh yang demikian, buah-buahan dan nikmat di atas dunia ini bukan sahaja digunakan untuk makan, bahkan untuk tujuan lain seperti sedekah, jualbeli, hadiah dan lain-lain. 'Makan' dalam ayat surah al-Mū'minūn adalah manakala 'sedekah, jualbeli, hadiah dan lain-lain ' adalah مَعْطُوفٌ عَلَيْهِ dan ianya disebut dalam ayat surah al-Mū'minūn. Justeru itu, ayat tersebut

sebenarnya adalah seperti berikut: "Kami kurniakan kepada kamu kebun buah buahan untuk kamu sedekahkan hasilnya, hadiahkan, perniagakan dan untuk kamu makan". Manakala pengguguran , dalam ayat surah al-Zukhruf untuk menunjukkan bahawa buah-buahan tersebut adalah di Syurga di mana ia hanyalah untuk dimakan bukan untuk tujuan yang lain (Fadl A'bbās:1991: 200).

29. Ayat pertama : وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌ لِّلصَّابِلِ وَالْخَرُومِ

Maksudnya : "Dan pada harta-harta mereka ada hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang tidak mendapat bahagian" (Surah al-Zāriyāt : 19)

Ayat kedua : وَالَّذِينَ فِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌ مَعْلُومٌ لِّلصَّابِلِ وَالْخَرُومِ

Maksudnya : Dan pada harta-harta mereka ada hak tertentu untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang tidak meminta (Surah al-Mā'ārij: 24-25)

Kedua-dua ayat di atas menerangkan tentang hak yang perlu disempurnakan oleh seseorang yang mempunyai harta di mana hak tersebut adalah untuk mereka yang miskin yang meminta atau yang tidak meminta (Ibn Kathīr:1997:jld 4:198-199).

Di dalam ayat surah al-Zāriyāt digugurkan perkataan مَعْلُومٌ yang bermakna

"tertentu". Apakah tujuan pengguguran dan penyebutan perkataan tersebut dalam kedua-dua ayat di atas?

Hikmat pengguguran perkataan tersebut merujuk kepada konteks perbincangan ayat di mana ayat surah al-Zāriyāt ditujukan kepada mereka yang bersedekah yang tidak tertentu nilainya seperti yang berlaku kepada Abu Bakar r.a apabila ditanya oleh Nabi s.a.w : Apakah yang kamu tinggalkan (harta) kepada keluarga kamu? Jawab Abu Bakar: Aku tinggalkan bersama mereka Allah dan Rasulnya (Fadl A'bbās:1991: 213).

Manakala ayat dalam surah al-Mā'ārij berhubung dengan sedekah zakat di mana sedekah zakat itu tertentu kadarnya dan kerana itu, ditambah perkataan tersebut (مَعْلُومٌ) bagi menjelaskan konteks perbincangan ayat.

Penulis berpendapat penyebutan perkataan ^{مَعْلُومٌ} juga bertujuan untuk mewujudkan rentak bacaan yang menarik di mana sebutannya di akhir ayat 24 telah melahirkan persamaan irama al-Quran dengan perkataan terakhir dalam ayat 25. Keunikan al-Quran di sini adalah gabungan aspek fizikal dan makna ayat-ayat tersebut.

30. Ayat pertama : ...إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَيِّلًا...

Maksudnya : "...Sesungguhnya (zina) itu adalah suatu perbuatan yang keji dan terkutuk dan suatu jalan yang buruk" (Surah al-Isrā' : 32)

Ayat kedua : إِنَّهُ كَانَ فَحْشَةً وَمُقْتَنِيٌّ وَسَاءَ سَبِيلًا ...

Maksudnya : "...Sesungguhnya perbatan itu (zina) amat keji dan terkutuk dan ia adalah seburuk-buruk jalan" (Surah al-Nisā' : 22)

Kedua-dua ayat di atas menerangkan tentang kutukan terhadap perbuatan zina yang merupakan perbuatan yang sangat keji dan terkutuk. Kedua-dua ayat di atas mempunyai susuanan yang agak sama, tetapi ayat dalam surah al-Isrā' digugurkan perkataan مُقْتَنِيٌّ. Apakah tujuan pengguguran perkataan tersebut ?

Tujuan pengguguran lafadz مُقْتَنِيٌّ dalam ayat surah al-Isrā' adalah merujuk kepada munasabah ayat yang menerangkan tentang keburukan zina. Manakala ayat dalam surah al-Nisā' menerangkan tentang keburukan dan kutukan terhadap pemikahan seseorang dengan isteri bapanya. Penambahan perkataan مُقْتَنِيٌّ dalam surah al-Nisā' amat bersesuaian samada dari segi sejarah, mahupun dari segi makna perkataan itu sendiri. Dari segi sejarah, masyarakat Jahiliah telah menggunakan istilah "nikah yang terkutuk" (نِكَاحُ الْمُقْتَنِيٍّ) bagi mereka yang mengahwini isteri kepada bapa mereka (al-Alusi:t. jld 4/248 / al-Rāghib al-Asfahāniy: 2000: 473). Manakala dari segi bahasa juga perkataan tersebut bermakna keji yang bersangatan (al-Rāghib al-Asfahāniy:2000: 473). Justeru itu, penulis berpendapat penambahan perkataan tersebut untuk menunjukkan bahawa perbuatan tersebut adalah lebih buruk dari perzinaan.

31. Ayat pertama: وَ مَا أَنْتُمْ بِعَجِزٍ فِي الْأَرْضِ وَ مَا لَكُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ مِنْ وَلِيٌّ وَ لَا نَصِيرٌ

Maksudnya : "Dan kamu tidak dapat melepaskan diri (dari azab Allah) di muka bumi , dan kamu tidak memperoleh seorang pelindung pun dan tidak pula seorang penolong selain Allah" (Surah al-Syūra : 31)

Ayat kedua : وَ مَا أَنْتُمْ بِعَجِزٍ فِي الْأَرْضِ وَ لَا فِي السَّمَاءِ وَ مَا لَكُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ مِنْ وَلِيٌّ وَ لَا نَصِيرٌ

وَلِيٌّ وَ لَا نَصِيرٌ

Maksudnya : "Dan kamu sekali-kali tidak dapat melepaskan diri (dari azab Allah) di bumi dan di langit dan sekali-kali tiadalah bagimu pelindung dan penolong selain Allah" (Surah al-Ankabūt : 22).

Maksud kedua-dua ayat di atas mengenai azab yang akan menimpa kepada manusia yang melakukan kerosakan di atas muka bumi ini adalah di bawah kekuasaan Allah s.w.t. Manusia sama sekali tidak akan dapat mengelak atau melepaskan diri dari azab tersebut walaupun mereka cuba mendapatkan perlindungan dari sesiapa jua melainkan dengan kehendak Allah (Abu Ḥayyān al-Andalūsiy: 1993: 4: 142-143).

Di dalam ayat surah al-Syūra, digugurkan ungkapan وَ لَا فِي السَّمَاءِ tetapi ungkapan ini disebut dalam surah al-Ankabūt walaupun kedua-dua ayat di atas mempunyai susunan perkataan yang agak sama . Apakah hikmat pengguguran tersebut ?

Menurut Fadl al-Sāmīrā'iy (1997 :111) hikmat pengguguran dan penyebutan perkataan tersebut merujuk kepada kisah yang terdapat dalam ayat surah al-A'nkabūt di mana ia menceritakan tentang pendustaan terhadap para rasul, pendustaan terhadap Nabi Nūḥ a.s, Ibrāhīm a.s, Lūṭ a.s dan lain-lain. Pendustaan terhadap para rasul itu balasannya adalah azab yang pedih dari Allah s.w.t. Oleh yang demikian, bagi menggambarkan keadaan para pendusta tidak akan terlepas dari azab Allah s.w.t samada di langit dan di bumi, maka ditambah ungkapan *وَلَا فِي السَّمَاءِ* dalam surah al-A'nkabūt sebagai penguat walaupun pada hakikatnya di bumi pun mereka tidak akan dapat melepaskan diri dari azab Allah s.w.t.

Manakala dalam ayat surah al-Syūra digugurkan ungkapan tersebut kerana hal tersebut diterangkan secara umum sahaja dan tidak mempunyai perkaitan yang rapat dengan ayat yang sebelum atau yang selepasnya.

Penulis berpendapat penambahan perkataan tersebut dalam surah al-A'nkabūt merujuk kepada sifat azab Tuhan yang menimpa kaum-kaum terdahulu yang datang samada dari langit atau pun bumi. Justeru itu, mereka tidak akan dapat sama sekali melepaskan diri dari azab Tuhan. Tambahan dari itu, ayat dalam surah al-A'nkabūt menerangkan tentang azab yang menimpa kaum Nabi Nūḥ a.s, di mana azab yang menimpa mereka adalah taufan dan bah yang amat dahsyat. Air bah tersebut datangnya dari langit dan bumi seperti mana firman Allah s.w.t:

فَفَتَحْنَا أَبْوَابَ السَّمَاءِ كُلَّاً مُّتَّهِرًا • وَ فَخَرَنَا الْأَرْضَ عَيْنُوا فَالْتَّقَى لَمَاءُ عَلَى أَمْرٍ قَدْ قَدِيرٌ

Maksudnya: " Maka Kami bukakan pintu-pintu langit dengan (menurunkan) air yang mencurah.* Dan Kami jadikan bumi memancarkan mata air-mata air, maka bertemu lah air-air itu untuk satu urusan yang sungguh telah ditetapkan (Surah al-Qamar: 11-12).

وَسَيِّرِي اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولِهِ ثُمَّ تَرْدُونَ إِلَى عَالَمِ الْغَيْبِ وَ الشَّهَادَةِ فِينَشُكُمْ بِمَا : 32. Ayat pertama :

كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Maksudnya : "...Dan Allah serta RasulNya akan melihat pekerjaanmu kemudian kamu dikembalikan kepada yang mengetahui yang ghaib dan yang nyata lalu Dia memberitakan kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan" (Surah al-Taubat : 94).

فَسَيِّرِي اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولِهِ وَالْمُؤْمِنُونَ ثُمَّ تَرْدُونَ إِلَى عَالَمِ الْغَيْبِ وَ الشَّهَادَةِ فِينَشُكُمْ بِمَا : Ayat kedua :

كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Maksudnya : "...maka Allah dan rasulnya serta orang-orang beriman akan melihat pekerjaanmu itu dan kamu akan dikembalikan kepada Allah yang mengetahui akan yang ghaib dan yang nyata lalu diberitakannya kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan (Surah al-Taubat : 105)

Kedua-dua ayat di atas menerangkan tentang amalan manusia yang mana ia tidak akan tersembunyi daripada penglihatan Allah s.w.t samada amalan yang

baik maupun buruk. Bahkan amalan tersebut akan dibentangkan dan disaksikan oleh Rasul dan orang-orang yang beriman (Ibn Kathir:1997:2:230).

Kedua-dua ayat yang panjang di atas adalah sebahagian dari ayat 94 dan 105 surah al-Taibat. Kedua-duanya mempunyai susunan yang hampir sama, tetapi dalam ayat 94 digugurkan perkataan **وَالْمُمْنُونَ** yang bermaksud 'dan orang-orang yang beriman'. Apakah tujuan pengguguran tersebut ?

Al-Thālibī (1998:jld:3:212) menyatakan bahawa surah al-Taibat: 105 bertujuan untuk galakan (تُرْغِيبٌ), iaitu menggalakkan supaya mereka melakukan kebaikan. Manakala ayat surah al-Taibat : 94 adalah berupa ancaman (تُنْذِيدٌ). Ini kerana ayat tersebut datang selepas ayat-ayat yang menceritakan tentang golongan munafiqun.

Al-Qurtubī (1999:jld:8:205) menjelaskan bahawa setiap amalan manusia akan dapat dilihat di akhirat .

Fadl al-Sāmīrā'īy berpendapat tujuan pengguguran perkataan tersebut dalam ayat 94 adalah merujuk kepada munasabat ayat di mana ayat 94 menceritakan tentang amalan-amalan buruk golongan munafiqun seperti tidak mahu keluar berperang bersama Rasulullah s.a.sebagaimana yang tersebut dalam firman Allah s.w.t di permulaan ayat 94 surah al-Taibat :

يَعْتَزِزُونَ بِكُمْ إِذَا رَجَعْتُمْ إِلَيْهِمْ...

Maksudnya : "Mereka (orang-orang munafiq) mengemukakan uzur mereka kepadamu apabila kamu kembali kepada mereka(dari medan perang)..."(Surah al-Taubah : 94).

Justeru itu, amalan kejahatan mereka tidak perlu dilihat dan diteladani oleh orang-orang yang beriman.

Manakala ayat 105 pula menceritakan tentang sifat orang-orang mukmin sendiri seperti taubat dan bersedekah, di mana amalan kebaikan mereka memang sesuai dicontohi oleh orang-orang mukmin yang lain. Justeru itu, perkataan tersebut wajar ditambah dalam ayat 105.

Penulis berpendapat pengguguran lafadz وَ الْمُنْتَوْنَ merujuk kepada amalan di dunia, manakala sebutannya pula merujuk kepada amalan di akhirat di mana amalan kejahatan orang-orang munafiq memang sukar dilihat oleh orang-orang yang beriman di dunia ini, tetapi di akhirat kelak semuanya akan dapat dilihat.

وَ مَنْ يَعْمَلْ بِالظُّرُورِ وَ يَعْمَلْ صَلِحًا يُدْخِلُهُ جَنَّةٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَلِيلِينَ فِيهَا 33. Ayat pertama :

أَبْدَا

Maksudnya : "Dan barangsiapa beriman kepada Allah dan mengerjakan amal yang saleh nescaya Allah akan memasukannya ke dalam syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya..." (Surah al-Talāq : 11).

وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ وَيَعْمَلْ صَلِحًا يُكَفَّرْ عَنْهُ سَيِّئَاتِهِ يُدْخَلْهُ جَنَّةً تَعْرِيُّ مِنْ تَعْرِيَّهَا الْآخِرُ :

جَنَّاتٍ فِيهَا أَبَدٌ

Maksudnya : "Dan barangsiapa beriman kepada Allah dan mengerjakan amal soleh nescaya Allah akan menghapuskan kesalahannya dan memasukkannya ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya syurga-syurga, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya... (Surah al-Taghābun : 9).

Kedua-dua ayat di atas bermaksud keimanan kepada Allah s.w.t dengan membenarkan segala perkara yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w dan melakukan amalan saleh dengan penuh ketaatan serta menjauhkan segala yang dilarang akan menjadi sebab kita dimasukkan ke dalam syurga yang dialiri dengan sungai-sungai dan mereka akan kekal di dalam kenikmatan syurga tersebut selama-lamanya (Wahbah al-Zuhailiy: 1991: jld: 28: 245)

Kedua-dua ayat di atas adalah sebahagian dari ayat surah al-Talāq ayat :11 dan surah al-Taghābun ayat: 9. Susunan dan struktur yang terdapat dalam kedua-dua ayat tersebut hampir sama, tetapi dalam ayat surah al-Talāq digugurkan ungkapan **وَيُكَفَّرْ عَنْ سَيِّئَاتِهِ** yang bermaksud ' Dihapuskan segala kesalahannya'. Apakah tujuan pengguguran ungkapan tersebut dalam surah al-Talaq dan penambahannya dalam surah al-Taghābun?

Penulis berpendapat tujuan penambahan ungkapan وَ يُكْفِرُ عَنِ سَيِّئَاتِهِ dalam surah al-Tagħabun bersetujuan dengan nama surah itu التغابن yang bermaksud ظُهُورُ غَيْرِ الْكَافِرِ, iaitu hari diperlihatkan segala kesalahan orang-orang kafir. Di samping itu, perkataan كُفَّرْ pula bermaksud menutup (Ibrāhīm Anis: t.t: 791) .

Dua perkataan yang berlawanan ini, memberi makna bahawa segala amalan buruk orang-orang kafir akan diperlihatkan sebagai balasan kepada mereka, manakala amalan buruk orang beramal saleh pula akan ditutup oleh Allah s.w.t. Keindahannya di sini adalah kesesuaian perkataan yang digunakan oleh al-Quran al-Karim.

34. Ayat pertama : قُلْ فَمَنْ يَعْلَمُ مِنْ اللَّهِ شَيْءًا

Maksudnya : "...katakanlah maka siapakah (gerangan) yang dapat menghalang kehendak Allah..." (Surah al-Māidat : 17)

Ayat kedua : قُلْ فَمَنْ يَعْلَمُ لَكُمْ مِنْ اللَّهِ شَيْءًا

Maksudnya : "...katakanlah maka siapakah yang dapat menghalang kehendak Allah jika Dia berkehendak sesuatu..." (Surah al-Fath : 11)

Kedua-dua ayat di atas bermaksud Allah s.w.t memerintahkan Nabi Muhammad s.a.w supaya menyatakan kepada mereka yang tidak mahu mengikuti perintah Baginda bahawa tiada siapa yang boleh menghalang kehendak Allah

dalam menentukan sesuatu perkara samada baik atau buruk, bahkan Allah berkuasa membongkar segala penipuan mereka (Ibn Kathir:1997:2:33).

Ayat surah al-Fath dan surah al-Māidat di atas hampir sama tetapi ayat surah al-Māidat digugurkan perkataan ^{وَكُمْ} yang bermaksud 'Bagi kamu'. Apakah hikmat pengguguran tersebut?.

Ayat surah al-Fath diturunkan secara khusus menerangkan tentang orang-orang Arab Badwi yang tidak menyertai perperangan Hudaibiyah bersama Nabi s.a.w (al-Sābūni:1999: jld: 3: 154). Manakala ayat dalam surah al-Maidat diturunkan secara umum menerangkan tentang kutukan Tuhan terhadap mereka yang mengatakan Nabi Isa itu adalah anak Tuhan. Justeru itu, Faḍl al-Sāmīra'īy (1997:110) menjelaskan penambahan perkataan tersebut untuk menerangkan pengkhususan ayat tersebut.

Di samping itu, penulis berpendapat jika dilihat dalam ayat surah al-Fath juga al-Quran menggunakan gaya bahasa hiwar, iaitu perbualan antara orang-orang Arab Badwi yang tidak menyertai rombongan Nabi s.a.w ke Hudaibiyah. Ini dapat dilihat di permulaan ayat tersebut. Oleh yang demikian, penambahan perkataan ^{وَكُمْ} juga bersesuaian dengan gaya bahasa tersebut.

35. Ayat pertama : وَلِكُنْ أَنفُسُهُمْ يَظْلِمُونَ

Maksudnya : "...Dan tetapi mereka lah yang menganiaya diri mereka sendiri (Surah Āli I'mrān : 117).

Ayat kedua : وَلِكُنْ كَانُوا أَنفُسُهُمْ يَظْلِمُونَ

Maksudnya : "...Dan tetapi mereka lah yang menganiaya diri mereka sendiri (Surah al-Baqarāt : 57)

Kedua-dua ayat di atas menerangkan bahawa segala suruhan Allah itu sebenarnya memberi manfaat dan kebaikan kepada manusia. Manakala segala perkara yang dilarang itu bertujuan untuk memelihara manusia daripada keburukan. Oleh itu, mereka yang tidak mentaati suruhan Allah serta melakukan segala yang dilarang itu sebenarnya menzalimi diri mereka sendiri (al-Šuyūtiy: 1999: 8).

Kedua-dua ayat tersebut hampir sama ungkapannya, tetapi ayat di dalam surah Āli I'mrān digugurkan perkataan كَانُوا tetapi dalam ayat surah al-Baqarat ditambah perkataan tersebut. Apakah tujuan pengguguran dan penambahan perkataan tersebut?

Al-Karmāniy (1976:121) menyatakan penambahan perkataan **كَانُوا** dalam ayat surah al-Baqarat kerana ayat tersebut menceritakan tentang golongan tertentu, iaitu Bani Isra'il yang melakukan pelbagai kemungkaran, manakala ayat di dalam surah Āli l'mrān berbentuk umum. Ayat yang hampir sama dengan ayat tersebut adalah dalam surah al-A'rāf ayat: 160 juga ditambah perkataan **كَانُوا** kerana ayat dalam surah al-A'rāf itu juga menerangkan tentang kaum Nabi Mūsā a.s iaitu Bani Isra'il.

Al-Alūsiy (t.t: jld:1:264) menyatakan, penambahan **كَانُوا** dalam bentuk kata kerja lampau **يَظْلِمُونَ** dan diikuti oleh perkataan **(الْفَعْلُ الْمَاضِي)** dalam bentuk kata kerja kala kini **(الْفَعْلُ الْمُضَارِعُ)** bermaksud bahawa fenomena ini (kezaliman) akan berlaku berpanjangan dari dulu hingga sekarang dan akan datang. Sesungguhnya kezaliman yang dilakukan oleh Bani Isrā'il atau Yahudi itu akan berterusan hingga ke hari ini, iaitu bermula dari pembunuhan para Nabi dan pencabulan terhadap perjanjian sehingga ke zaman ini, iaitu merampas hak tanah air Palestin.

Al-Rāghib al-Asfahāniy menyatakan lafadz **كَانُوا** digugurkan untuk menunjukkan bahawa sesuatu sifat itu sebatی **(لَا زِيمٌ)** dengan sesuatu, iaitu suatu sifat yang memang wujud atau ada pada sesuatu. Begitulah sifat zalim yang memang sebatی dengan orang-orang Yahudi.

Penulis berpendapat pengguguran **كَانُوا** dalam ayat surah Ali l'mrān

kerana ayat tersebut tidak ditujukan kepada golongan tertentu seperti mana ayat dalam surah al-Baqarah. Ayat dalam surah **Āli l'mrān** menerangkan tentang perumpamaan kehidupan dunia dan mereka yang terlalu mencintai keduniaan.

36. Ayat pertama : **إِنَّ اللَّهَ رَبِّيْ وَرَبِّكُمْ فَاعْبُدُوهُ هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ**

Maksudnya : "Sesungguhnya Allah, Tuhanku dan Tuhanmu, kerana itu sembahlah Dia, inilah jalan yang lurus" (Surah **Āli l'mrān** : 51).

Ayat kedua : **إِنَّ اللَّهَ هُوَ رَبُّهُ وَرَبُّكُمْ فَاعْبُدُوهُ هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ**

Maksudnya : "...Sesungguhnya Allah Dialah Tuhanku dan Tuhan kamu maka sembahlah Dia, inilah jalan yang lurus (Surah al-Zukhruf : 64).

Maksud kedua-dua ayat di atas menjelaskan arahan Nabi Isa a.s supaya kaumnya beriman dan mengakui bahawa Allah s.w.t adalah Tuhan yang sebenar, Tuhanku dan Tuhan kamu sekalian. Justeru itu, sembahlah Dia dan taatilah segala perintahNya. Sesungguhnya itulah jalan yang benar yang akan membawa kebaikan samada di dunia mahupun di akhirat (al-**Suyūbī**: 1999: 56)

Kedua-dua ayat di atas hampir sama, tetapi ayat dalam surah **Āli l'mrān** digugurkan gantinama **هُوَ** yang bermaksud 'dia' dan dikekalkannya dalam ayat

surah al-Zukhruf. Apakah hikmat pengguguran dan penambahan perkataan tersebut ?

Dalam ayat surah al-Zukhruf, penambahan ganti nama ^{هُوَ} yang disebut sebagai ganti nama berpisah (ضَمْمُ النَّصْلِ) berfungsi sebagai penguat. Di samping itu, perkataan tersebut didahului oleh lafaz Allah (الله) yang memberi makna yang lebih khusus (رَسْمُ مَعْرِفَةِ) seperti dalam contoh berikut:

زَيْدٌ هُوَ قَاتِلٌ

زَيْدٌ هُوَ الْقَاتِلُ

Maksudnya : Zaid dia berdiri

Dalam ayat yang pertama, kemungkinan Zaid berdiri atau orang lain yang berdiri, manakala dalam ayat kedua tertentulah bahawa yang berdiri itu adalah Zaid. Justeru itu, dalam kedua-dua ayat di atas (Ali l'mrān dan al-Zukhruf) al-Quran hendak menyatakan bahawa Tuhan yang sebenarnya adalah Allah dan tiada Tuhan selainnya.

Kenapakah ditambah partikel penguat ^{هُوَ} dalam ayat surah al-Zukhruf dan sebaliknya digugurkan dalam ayat surah Ali l'mrān?

Penulis berpendapat jika dilihat dalam beberapa ayat sebelum ayat surah al-Zukhruf di atas, ia menceritakan tentang ejekan kaum Quraisy terhadap Nabi Muhammad s.a.w. Ini berlaku selepas Nabi s.a.w berkata kepada mereka "Sesungguhnya kamu dan semua yang kamu sembah adalah bahan bakar api neraka", maka mereka menghina Nabi s.a.w dan bertanya kepada Baginda "Bagaimana Nabi Isā a.s yang disembah adakah juga menjadi bahan bakar api neraka?" Penulis berpendapat ayat tersebut diungkapkan oleh Isā a.s kepada kaumnya dan dalam masa yang sama ditujukan juga kepada orang-orang Quraisy yang menghina Nabi Muhammad s.a.w. Kerana itu, ditambah perkataan tersebut. Manakala dalam surah Āli l'mrān adalah suatu kisah yang panjang lebar menceritakan semata-mata tentang Nabi Isā a.s. Kesimpulannya, penambahan ganti nama هُوَ bertujuan menjelaskan ucapan خطاب () ayat yang lebih khusus.

37. Ayat pertama : ...وَتَعْرِمُونَهُمْ نَفْسَوْنَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ مِنْ أَمْنٍ تَبْغُونَهَا عِوْجًا

Maksudnya : "...Mengapa kamu menghalang dari jalan Allah orang-orang yang telah beriman, kamu menghendakinya menjadi bengkok (sesat)"....(Surah Āli l'mrān : 99)

Ayat kedua : ...وَتَعْرِمُونَهُمْ نَفْسَوْنَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ مِنْ أَمْنٍ يَهُ وَتَبْغُونَهَا عِوْجًا

Maksudnya : "...Dan kamu menghalang orang yang beriman dari jalan Allah dan menginginkan agar jalan Allah itu menjadi bengkok...(Surah al-A'rāf : 86).

Allah s.w.t menerangkan dalam kedua-dua ayat di atas tentang sifat orang-orang kafir yang tidak mahu beriman dengan kebenaran di mana mereka ini

sentiasa berusaha untuk memesongkan keimanan orang-orang yang beriman dengan melontarkan pelbagai tohmannan dan keraguan, sedangkan kamu mengetahui bahawa jalan yang dilalui oleh orang-orang beriman itu adalah benar (Wahbah al-Zuhailiy: 1991: jld: 4: 23).

Kedua-dua ayat di atas adalah sebahagian dari ayat surah Āli l'mrān :99 dan al-A'rāf ayat 86. Ayat dalam surah Āli l'mrān adalah sebahagian dari kisah ahli kitab dari kalangan orang-orang Yahudi manakala ayat dalam surah al-A'raf : 86 pula adalah sebahagian dari kisah Nabi Šaleh a.s. Kedua-dua ayat mempunyai susunan dan struktur yang hampir sama, tetapi ayat di dalam surah Āli l'mrān digugurkan perkataan bihi (بـ) yang bermaksud "dengannya" dan partikel waw (وـ) yang bermaksud 'dan'. Apakah tujuan pengguguran tersebut ?

Tujuan pengguguran بـ dalam ayat surah Āli l'mrān adalah untuk menyamakan dengan perkataan مـنْ كـنـزٍ dalam ayat sebelumnya yang juga menggugurkan perkataan وـ (al-Karmāniy:1976: 51).

Manakala pengguguran partikel waw (وـ) dalam ungkapan وَ تَسْبِحُونَ عَوْجَسًا merujuk kepada kaedah tatabahasa Arab di mana تَسْبِحُونَ di'rab sebagai

الْجُمْلَةُ الْفَعْلِيَّةُ فِي عَلَى نَصْبِ حَالٍ maka ayat yang seperti ini tidak harus dimasukkan partikel wāw (و) (Mahmud Husni al-Mughālasat 1993: 333).

38. Ayat pertama : حَتَّىٰ تَغْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَهَارُخَلِدِينَ فِيهَا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

Maksudnya : "...Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai mereka kekal di dalamnya. Itulah kemenangan yang besar" (Surah al-Taubah : 89).

Ayat kedua : حَتَّىٰ تَغْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَهَارُخَلِدِينَ فِيهَا وَذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

Maksudnya : "...Syurga-syurga yang mengalir di dalamnya sungai-sungai, sedang mereka kekal di dalamnya dan itulah kemenangan yang besar" (Surah al-Nisā' : 13).

Kedua-dua ayat menerangkan tentang balasan syurga yang akan diberikan kepada mereka yang taat kepada segala perintah Allah s.w.t di mana keindahan di dalam syurga digambarkan dengan sungai-sungai indah yang mengalir di dalamnya. Mereka yang dimasukkan ke dalam syurga akan tinggal kekal di dalamnya dengan segala kenikmatan yang ada di dalam syurga tersebut (Wahbah al-Zuhailiy: 1991:4:287).

Ayat di dalam surah al-Taubah digugurkan partikel wāw (و) pada ungkapan وَذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ sedangkan di dalam surah al-Nisa partikel tersebut dinyatakan. Apakah rahsia yang terdapat disebalik pengguguran tersebut?

Berdasarkan pemerhatian penulis, ayat-ayat al-Quran yang diakhiri **وَذِلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ**, **ذُلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ**, **وَذُلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ**, **ذُلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ** dalam sembilan ayat, iaitu dalam surah al-Māidat ayat 119, surah al-Taubah ayat 72/89 / 100/111, surah al-Saf ayat 12, surah Yūnus ayat 64, surah al-Dukhān ayat 57, surah Ghafir ayat 9 dan surah al-Nisā' ayat 13 . Penulis mendapati ayat yang terdapat di dalamnya makna syarat beserta jawab syaratnya maka akan disebut **وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ يُدْخِلُهُ جَنَّةً**. Di permulaan ayat surah al-Nisā' di atas contohnya, ada tersebut ungkapan syarat dan jawabnya, iaitu:

وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ يُدْخِلُهُ جَنَّةً

Maksudnya: "Dan sesiapa yang mentaati Allah dan Rasulnya maka Allah akan memasukkannya ke dalam syurga..." (Surah al-Nisā': 13).

Mentaati Allah dan Rasulnya adalah syarat, manakala memasukkannya ke dalam syurga adalah jawap syarat. Begitulah dalam ayat-ayat yang lain. Sebaliknya dalam ayat yang tiada makna syarat dan jawabnya maka waw akan digugurkan . Penulis menyimpulkan bahawa keunikan al-Quran di sini ialah keseragaman konteks gaya bahasa yang digunakan oleh al-Quran al-Karim.

39. Ayat pertama : ﴿إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ﴾

Maksudnya : "...Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat siksaanNya dan sesungguhnya Dia maha pengampun lagi maha penyayang "(Surah al-An'am :165).

Ayat kedua : ﴿إِنَّ رَبَّكَ لَسَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ﴾

Maksudnya : "...Sesungguhnya Tuhanmu sangat pantas azabnya dan Allah itu maha pengampun lagi maha mengasihani" (surah al-A'rāf: 167).

Kedua-dua ayat di atas merupakan ancaman Allah s.w.t kepada mereka yang mengingkari perintahNya. Azab Allah s.w.t kepada mereka itu berlaku dengan cepat dan segera tatkala tiba ketentuan Allah s.w.t. Dengan ertikata lain, azab tersebut akan datang tanpa disedari oleh manusia. Azab tersebut akan berlaku samada di dunia atau di akhirat nanti. Azab di dunia seperti ditimpakan musibah terhadap dirinya, hartanya dan lain-lain manakala azab di akhirat adalah neraka yang sangat dahsyat. Di samping itu, Allah s.w.t. juga menjelaskan tentang sifatNya yang maha pengampun lagi maha mengasihani (Wahbah al-Zuhailiy: 1991: jld: 8: 131).

Kedua-dua ayat di atas mempunyai susunan dan struktur yang hampir sama tetapi ayat di dalam surah al-An'am digugurkan huruf lām (ل) sebaliknya ia disebut di dalam surah al-A'rāf. Apakah tujuan pengguguran dan penyebutan huruf tersebut?

Penulis berpendapat tujuan pengguguran huruf tersebut dalam ayat surah al-Anām adalah kerana ayat tersebut dan ayat-ayat yang sebelumnya tidak membincangkan tentang azab bahkan lebih banyak membincangkan tentang rahmat dan kebaikan dari Allah s.w.t. Contohnya dalam ayat 160 surah al-Anām yang bermaksud: *"Barangsiapa membawa amal yang baik maka baginya pahala sepuluh kali ganda amalnya dan barangsiapa yang melakukan kejahanatan maka pembalasannya dihitung dengan satu kesalahan"*. Dalam ayat ini, Allah s.w.t menjelaskan akan sifat pemurahNya, iaitu menggandakan pahala amalan baik yang dilakukan, sifat pemurah Allah s.w.t adalah lebih besar berbanding kemurkaanNya kerana itu dalam satu hadis Qudsi ada menyebut yang bermaksud: *"Sifat rahimKu mendahului kemurkaanKu"*. Oleh yang demikian, bagi menjelaskan hal ini maka al-Quran menggugurkan huruf ل dalam ayat yang menerangkan tentang rahmat dan kebaikan.

Ini berbeza dengan ayat dalam surah al-A'rāf di mana Allah s.w.t menjelaskan dengan panjang lebar tentang balasan azab yang akan ditimpakan kepada mereka yang mengingkari perintah-perintah Allah s.w.t. seperti azab yang diturunkan kepada kaum Nabi Mūsā a.s. Justeru itu, bagi menguatkan kenyataan yang disampaikan dan kesesuaian tajuk perbincangan ayat, maka Allah s.w.t. meletakkan huruf lam tersebut dalam ayat surah al-A'rāf. Dan fungsi huruf lam itu adalah لِتُوَكِّبِرْ (untuk menguatkan kenyataan). Lam tersebut dinamakan Lām al-Ibtida' (لَامُ الْإِبْتِدَاء).

Ungkapan **لُسْرِيْعُ الْعِنَابِ** (dinyatakan huruf lām) adalah merujuk kepada azab yang ditimpakan di dunia (al-Syaukāniy: 1998: jld: 2: 261). Ayat dalam surah al-A'rāf menceritakan tentang Bani Isrā'īl dan Nabi Mūsā a.s bermula dari ayat 103 hingga ke ayat tersebut. Dalam rentetan kisah tersebut ada menerangkan tentang azab yang menimpa bani Isrā'īl di dunia ini lagi seperti yang terdapat dalam ayat 132,165,166 dan lain-lain. Manakala dalam ayat surah al-Anā'm al-Quran tidak memfokuskan persoalan azab. Justeru itu, penulis berpendapat bahawa tujuan penambahan partikel lam dalam ayat tersebut untuk menyatakan bahawa azab yang menimpa Bani Isrā'īl akan berlaku di dunia lagi semenjak dahulu hingga sekarang. Hanya menunggu masa dan ketentuan dari Allah s.w.t.

40. Ayat pertama : **قَالَ أَنْظُرْنِي إِلَى يَوْمٍ وَهُوَ يَعْتَذِرُ**

Maksudnya : "Iblis menjawab ' Beri tangguhlah kepadaku sampai waktu mereka dibangkitkan" (Surah al-A'rāf : 14).

Ayat kedua : **قَالَ رَبُّ فَانْظُرْنِي إِلَى يَوْمٍ وَهُوَ يَعْتَذِرُ**

Maksudnya: "Iblis menjawab, wahai Tuhanku beri tangguhlah kepadaku sampai waktu mereka dibangkitkan" (Surah al-Hijr : 36).

Kedua-dua ayat di atas menceritakan tentang Iblis yang dilaknat di mana Allah s.w.t mengutuknya kerana keingkarannya terhadap perintah Allah s.w.t lantas Iblis memohon kepada Allah s.w.t agar ditangguhkan hayatnya sehingga ke hari kiamat. Tatkala Allah s.w.t memperkenankan permohonan Iblis, lalu Iblis

berikrar di hadapan Allah s.w.t bahawa ia akan menyesatkan kesemua anak Adam (Wahbah al-Zuhaili: 1991: jld: 8: 155).

Terdapat dua pengguguran dalam ayat surah al-A'rāf, iaitu lafadz رَبْ yang bermaksud ' wahai Tuhan' dan partikel fa' (ف) yang bermaksud ' maka'. Apakah tujuan pengguguran kedua-dua perkataan tersebut dalam surah al-A'rāf dan sebutannya dalam surah al-Hijr?

Huruf fa' ف dalam ayat al-Hijr dikenali sebagai fa' rabita' (فاء الرابطة), iaitu fa' (ف) yang menggabungkan dua kenyataan yang mempunyai hubungan (Ibn Hisyām: 1999: jld:1:339 / Bahjat Ṣaleh:1993: 340). Dalam konteks ini, ia menggabungkan ayat di atas dengan ayat yang digugurkan iaitu "kerana Engkau telah jadikan aku makhluk hina maka tangguhlah kematianku sampai hari manusia dibangkitkan" (al-Alūsiy: t.t: jld:8:48).

Penulis berpendapat partikel fa' (ف) tersebut menggabungkan ayat 35 dengan ayat 36 surah al-Hijr. Ini kerana, antara kedua-dua ayat mempunyai hubungan yang lebih jelas di mana ayat 35 merupakan lakan Tuhan kepada Iblis sehingga ke hari kiamat, dan kesan dari lakan Tuhan kepada Iblis sehingga ke hari kiamat itu menyebabkan Iblis bermohon kepada Tuhan agar ditangguhkan azab ke atasnya sehingga ke hari kiamat juga. Ayat 35 dan 36, kedua-duanya

menggunakan perkataan hari kiamat, iaitu **يَوْمَ الْقِيَامَةِ** dan **يَوْمُ الدِّينِ**. Justeru itu, penulis merasakan penyebutan partikel tersebut dalam ayat surah al-Hijr adalah lebih tepat berbanding ayat surah al-A'rāf. Manakala penambahan perkataan **رَبُّ** adalah untuk menyatakan kehinaan Iblis di hadapan Tuhan semesta alam. Walaupun ia sombang dan takabbur, dia terpaksa merayu kepada Allah s.w.t.

41. Ayat pertama : **قَالَ إِنَّكَ مِنَ الظَّاهِرِينَ**

Maksudnya : "Allah berfirman 'sesungguhnya kamu termasuk dari golongan mereka yang diberi tangguh'" (Surah al-A'rāf : 15).

Ayat kedua : **قَالَ فَإِنَّكَ مِنَ الظَّاهِرِينَ**

Maksudnya : "Allah berfirman sesungguhnya kamu dari kalangan mereka yang diberi tangguh" (Surah al-Hijr : 37).

Kedu-dua ayat di atas merupakan rentetan dari kisah Iblis yang dilaknat, dimana kedu-dua ayat menerangkan jawapan Allah s.w.t kepada permohonan Iblis supaya ditangguhkan hayatnya sehingga ke hari kiamat. Permohonan Iblis tersebut telah diperkenankan oleh Allah s.w.t (al-Šāwiyy: 1999: jld: 3: 249).

Kedua-dua ayat di atas hampir sama. Ayat dalam surah al-A'rāf digugurkan huruf fā' (ف) yang bermaksud 'maka' sebaliknya ia disebut dalam ayat surah al-Hijr. Apakah hikmat penyebutan dan pengguguran perkataan tersebut?

Penulis berpendapat sebutan huruf fā' dalam ayat surah al-Hijr adalah untuk menggabungkan dua kenyataan, di mana huruf fā' tersebut adalah fā' rabītah sepertimana dalam analisis yang ke 40. Terdapat dua kenyataan, iaitu pertama, kenyataan yang digugurkan tetapi difahami, iaitu 'Aku(Allah s.w.t) menerima permohonanmu". Kedua, kenyataan seperti dalam ayat di atas. Kedua-dua kenyataan tersebut apabila digabungkan menjadi seperti berikut: Aku (Allah s.w.t) menerima permohonanmu maka sesungguhnya Aku memberi tangguh kepadamu sehingga ke hari kiamat".

Di samping itu, sepantas lalu kita dapat merasai rentak bahasa al-Quran di mana penambahan huruf fā' ف dalam ayat 36 membawa kepada penambahannya dalam ayat 37 surah al-Hijr yang seterusnya mencantikkan rentak bahasa al-Quran. Ini dapat dibuktikan jika kita membuang huruf tersebut dan membacanya berterusan dengan ayat yang sebelumnya. Kita akan dapat merasai rentak yang sumbang apabila huruf tersebut digugurkan.

42. Ayat pertama : وَأَعْدَ اللَّهُ لَهُمْ جَنَّتٍ يَغْرِي بِئْرَاتِهَا الْأَفْوَارُ خَلِدِينَ فِيهَا

Maksudnya: "...Dan Allah s.w.t mwnyediakan bagi mereka syurga-syurga yang mengalir sungai-sungai di dalamnya, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya..." (Surah al-Taubah : 100).

Ayat kedua : أَعْدَ اللَّهُ لَهُمْ حَنْتَ بَغْرِيٍّ مِّنْ شَجَرَهَا الْأَمْارُ خَلِيلِينَ فِيهَا

Maksudnya: "Allah s.w.t menyediakan bagi mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan mereka kekal di dalamnya...(Surah al-Taubah : 89).

Kedua-dua ayat di atas menerangkan tentang balasan Allah s.w.t kepada mereka yang mentaati segala perintahNya, di mana mereka itu akan dikurniakan balasan syurga yang sungguh indah yang mengalir di dalamnya sungai-sungai. Mereka akan kekal menikmati kenikmatan tersebut di dalam syurga selama-lamanya (al-Sāwiyy: 1999: jld: 3: 66).

Kedua-dua ayat di atas dari surah yang sama dan mempunyai susunan ayat yang hampir sama. Ayat 100 digugurkan partikel min (من) yang bermaksud 'daripada', manakala ayat 89 disebut perkataan tersebut. Apakah hikmat pengguguran dan penyebutannya?

Ayat 100 surah al-Taubah dibaca oleh jumhur al-Qurra tanpa من kecuali Imam Ibn Kathīr yang merupakan salah satu riwayat qira'at yang mutawātir. Qirā'at Ibn Kathīr mengekalkan partikel min (من). Sebutan partikel min juga termaktub di dalam Mushaf Mekah. Keunikan al-Quran di sini ialah mengandungi pelbagai qira'at, tetapi ia tetap mempunyai makna yang tertentu. Contohnya dalam ayat di atas, penambahan من bertujuan untuk menguatkan ayat tersebut.

Min tersebut dinamakan min zāídah (مِنْ زَائِدَةً). Manakala penggugurnya bertujuan untuk meringkaskan ayat (al-Farā' : 1996 :214). Begitulah dalam ayat-ayat lain yang mempunyai qiraat yang pelbagai.

43. Ayat pertama : فَمَا أُوتِيتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَمَتَّعُوا الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَمَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ وَأَبْقُوا

Maksudnya: "Maka sesuatu apapun yang diberikan kepadamu, itu adalah kenikmatan hidup di dunia dan yang ada pada sisi Allah s.w.t itu lebih baik dan lebih kekal..." (Surah al-Syūrā : 36).

Ayat kedua : وَمَا أُوتِيتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَمَتَّعُوا الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَزِيَّنُوهُ وَمَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ وَأَبْقُوا

Maksudnya: "Dan apa saja yang diberikan kepada kamu maka itu adalah kenikmatan hidup duniawi dan perhiasananya sedang apa yang ada di sisi Allah adalah lebih baik dan lebih kekal...." (Surah al-Qaṣāṣ : 60).

Kedua-dua ayat di atas menerangkan tentang hakikat kenikmatan di dunia di mana segala harta benda, perhiasan, pangkat dan darjat yang dikurniakan oleh Allah s.w.t adalah sementara sahaja, berbanding dengan kenikmatan dan balasan yang disediakan di akhirat nanti yang kekal abadi. Justeru itu, kehidupan di dunia hendaklah dijadikan jambatan untuk menuju kebahagian dan kenikmatan hidup di akhirat. (al-Suyūtīy: 1993: 393).

Ayat di dalam surah al-Syūrā digugurkan perkataan ^{وَزِينَتْ} yang bermaksud "perhiasannya", sebaliknya perkataan tersebut digunakan dalam ayat surah al-Qaṣāṣ. Apakah hikmat penyebutan dan penggugurnya?

Pengguguran dan penyebutan perkataan tersebut merujuk kepada munasabah ayat (al-Karmānīy:1976: 120), di mana kalau dilihat dalam ayat al-Qaṣāṣ didapati ayat sebelumnya, iaitu ayat 57 dan 58 menceritakan tentang orang-orang yang mementingkan kenikmatan di dunia dan bagaimana Allah s.w.t memusnahkan mereka kerana lupa kepadaNya demi mengejar kenikmatan dunia. Begitu juga dalam ayat yang selepasnya seperti ayat 61. Justeru itu, penyebutan perkataan tersebut bersesuaian dengan konteks ayat atau munasabah ayat. Manakala dalam ayat surah al-Syūrā menceritakan tentang kekuasaan Allah dan lain-lain.

44. Ayat pertama : ^{وَلَا يَكُلِّمُهُمُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَمَةِ وَلَا يُنَزِّهُمُ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ}

Maksudnya : "...Dan Allah tidak akan berbicara kepada mereka pada hari kiamat dan tidak akan mensucikan mereka dan bagi mereka siksa yang sangat pedih (Surah al-Baqarāt : 174).

Ayat kedua : ^{وَلَا يَكُلِّمُهُمُ اللَّهُ وَلَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ وَلَا يُزَكِّيْهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ}

Maksudnya : "...Dan Allah s.w.t tidak akan berkata-kata dengan mereka dan tidak akan melihat kepada mereka pada hari kiamat dan tidak pula akan mensucikan mereka dan bagi mereka azab yang pedih (Surah Āli īm्रān : 77).

Kedua-dua ayat di atas menerangkan tentang kemurkaan Allah s.w.t kepada mereka yang menyembunyikan kebenaran kitab Allah s.w.t dengan menukar dan memutarbelitkan kandungan al-Quran. Begitu juga mereka yang melakukan sumpah bohong. Ungkapan "Allah tidak akan berkata-kata dengan mereka" membawa maksud bahawa Allah s.w.t murka kepada mereka yang bersifat seperti di atas. Di samping itu, mereka juga tidak akan dbersihkan dari dosa-dosa yang telah dilakukan, seterusnya di akhirat nanti mereka akan ditimpah dengan azab yang sangat pedih (Ibn Kathir:1997:jld:1:191).

Perbezaan kedua-dua ayat di atas adalah pengguguran ungkapan **وَلَا يَنْظُرُ**

وَلَا يَنْظُرُ yang bermaksud "dan Allah tidak akan melihat mereka". Ungkapan ini digugurkan dalam surah al-Baqarah dan dinyatakan dalam surah Āli l'mrān. Apakah Tujuan pengguguran dan sebutan ungkapan tersebut ?

Penulis berpendapat penambahan ungkapan **وَلَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ** di dalam ayat

surah Āli-l'mrān kerana di permulaan ayat tersebut terdapat ungkapan seperti berikut:

إِنَّ الَّذِينَ يَشْتَرُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَلَا يَعْلَمُمْ مَا نَأْتِهِمْ فَإِنَّا فِي أَكْثَرِهِمْ...

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang membeli (menukar) janji mereka dengan Allah dan sumpah-sumpah mereka dengan harga yang sedikit... (Surah Āli l'mrān: 77).

Di dalam ungkapan di atas terdapat, terdapat dua kejahanan yang dilakukan. Pertama, membeli janji Allah dengan harga yang murah, iaitu memutarbelit dan membohongi kebenaran ayat-ayat Allah s.w.t kerana kepentingan tertentu. Kedua, membeli sumpah-sumpah mereka dengan harga yang murah, iaitu membohongi sumpah yang dilakukan. Orang-orang yang melakukan sumpah bohong akan disediakan azab yang khusus bagi mereka. Mereka tidak akan dilihat oleh Allah s.w.t pada hari kiamat nanti (وَلَا يُنْظَرُ إِلَيْهِمْ). Ini

dikuatkan oleh suatu hadis yang diriwayatkan oleh Abu Zar seperti berikut:

ثَلَاثَةٌ لَا يُكْلِمُهُمُ اللَّهُ وَلَا يُنْظَرُ إِلَيْهِمْ وَلَا يُزْكَيُهُمْ وَلَمْ يُعْذَبْ أَلَيْهِمْ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَنْ هُمْ؟

خَسِيرُونَ وَخَابُوا قَالَ الْمُسْبِلُ وَالْمُنْقُقُ سَلَّمَهُ بِالْحَلَفِ الْكَاذِبِ وَالْمَنَانِ.

Maksudnya: Tiga golongan yang mana Allah s.w.t tidak akan berkata-kata dengan mereka, tidak akan melihat mereka, tidak akan membersihkan mereka serta akan membalaik mereka dengan azab yang pedih. Aku berkata: Siapakah mereka itu? Rugilah dan malanglah mereka. Nabi s.a.w bersabda mereka ialah yang membelanjakan hartanya dengan sumpah yang tipu, mereka yang melabuhkan pakaian kerana sompong dan mereka yang suka berangan-angan kosong (riwayat Muslim).

Oleh yang demikian, kewujudan perlakuan sumpah bohong dalam ayat surah Ali-Imran dan azab khusus yang disediakan bagi mereka, iaitu mereka tidak akan dilihat oleh Allah s.w.t pada hari kiamat kelak seperti yang tersebut dalam

hadis di atas, merupakan rahsia Allah s.w.t menambah ungkapan

وَ لَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ

dalam ayat surah Āli Īmrān.

Ini berbeza dengan ayat surah al-Baqarat di mana permulaan ayat tersebut adalah seperti berikut:

إِنَّ الَّذِينَ يَكْفُرُونَ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ الْكِتَابِ وَ يَشْرُونَ بِهِ مُثْنَى قِيلَّاً...

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah diturunkan oleh Allah s.w.t, iaitu al-Kitab dan menjualnya dengan harga yang sedikit... (Surah al-Baqarat: 174).

Permulaan ayat surah al-Baqarat di atas tidak menyebutkan tentang sumpah bohong. Justeru itu, hikmat pengguguran ungkapan وَ لَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ dalam surah al-Baqarah dan sebutannya dalam surah Āli īmrān merujuk kepada permulaan ayat surah Āli īmrān yang menyebutkan tentang sumpah tersebut.

45. Ayat pertama : إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ هُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مُنْتَوْنَ

Maksudnya : "Tetapi orang-orang yang beriman dan beramal saleh, bagi mereka pahala yang tidak terputus" (Surah al-Insyiqāq : 25).

Ayat kedua : إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مُنْتَوْنَ

Maksudnya : Melainkan mereka yang beriman dan beramal soleh maka bagi mereka pahala yang tidak putus-putus (surah al-Tīn: 6).

Kedua dua ayat di atas menerangkan tentang balasan kepada mereka yang beriman kepada Allah s.w.t dan melakukan amalan-amalan yang saleh , di mana mereka akan dikurniakan pahala atau ganjaran yang berterusan tanpa putus-putus (Wahbah al-Zuhailiy: jld: 30: 150).

Ayat dalam surah al-Insyiqāq digugurkan huruf fā' (ف) yang bermaksud "maka", manakala huruf ini disebut di dalam surah al-Tin. Apakah hikmat pengguguran dan penyebutan huruf tersebut?

Penulis berpendapat hikmat pengguguran dan sebutan huruf tersebut untuk membezakan makna yang tersirat dalam kedua-dua ayat. Maksud yang tersirat di dalam ayat surah al-Tin ialah seperti berikut: "*Kemudian manusia yang telah dijadikan dalam keadaan sempurna tadi sebagiannya akan dibiarkan lanjut usianya sehingga lemah dan nyanyuk melainkan mereka yang beriman dan beramal soleh yang akan dianjarkan dengan pahala yang tidak putus-putus*". Manakala maksud yang tersirat di dalam surah al-Insyiqāq ialah seperti berikut: "*Maka kamu semua akan diazab melainkan mereka yang beriman dan beramal soleh yang akan dianjarkan dengan pahala yang tidak putus-putus*".

Perbezaan maksud di atas berpunca dari ayat yang sebelumnya. Ayat sebelum ayat surah al-Tin ialah seperti berikut:

ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَنْسَلَ سَافِلِينَ

Maksudnya: "*Kemudian Kami kembalikannya ke tempat yang serendah-rendahnya*" (Surah al-Tin: 5)

Ayat ini bermaksud ada di kalangan manusia yang sempurna kejadiannya akan di azab oleh Allah s.w.t dengan dilanjutkan usia mereka. Tua, lemah dan nyanyuk dan lain-lain adalah satu bentuk azab melainkan mereka yang beriman dan beramal soleh, maka tua dan nyanyuk itu bukanlah satu azab bahkan bagi mereka pahala yang berterusan tanpa putus-putus (Wahbah al-Zuhailiy:1991: jld: 30: 307). Sebab turun ayat : 5 surah al-Tīn di atas menguatkan lagi makna ayat. Ibnu Abbās meriwayatkan sebab turun ayat di atas ialah: "Ayat : 5 diturunkan selepas Rasulullah s.a.w ditanya tentang orang-orang tua yang telah nyanyuk" (Wahbah al-Zuhailiy: 1991: jld: 30: 304).

Ayat sebelum ayat surah al-Insyiqāq pula ialah seperti berikut:

فَيُشَرِّهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ

Maksudnya: "Maka khabarkanlah kepada mereka dengan azab yang pedih" (Surah al-Insyiqāq: 24).

Ayat: 24 surah al-Insyiqāq lebih umum. Ia menerangkan tentang azab yang disediakan kepada mereka yang mendustai agama Allah s.w.t. Bagi mereka itu azab yang pedih melainkan orang-orang yang beriman dan beramal soleh.

Di samping itu, dari sudut tatabahasa Arab penambahan huruf fā' ف merujuk kepada dua makna: pertama: untuk menunjukkan susunan perbuatan yang terdapat dalam lafaz-lafaz ayat (تَرْتِيبُ الْقُنْطَرِ) (al-Suhailiy:1996: 197), iaitu iman dan amal soleh hendaklah didahulukan sebelum mendapat pahala yang tidak putus-putus itu. Kedua: penambahan fā' ف dalam prediket (خَسْرٌ) yang

subjeknya adalah kata penghubung (الذين) dan mempunyai makna syarat, maka huruf fa' (ف) membawa maksud "berhak mendapat secara pasti" (استحقاق) iaitu orang-orang yang beriman dan beramal soleh sudah pasti berhak mendapat ganjaran pahala yang tidak putus-putus.(Ibn Jinniy: 2000:jld 1:258). Justeru itu, kewujudan huruf fa' (ف) dalam ayat surah al-Tin menguatkan lagi makna yang terkandung di dalam ayat di atas.

4.2 PENUTUP

Bab keempat ini adalah bab yang terpenting di dalam disertasi ini. Ia merupakan analisis yang menyeluruh terhadap unsur pengguguran yang terdapat di dalam al-Quran.

Analisis yang telah dibentangkan itu diharapkan dapat membuktikan kemukjizatan al-Quran khususnya dari aspek bahasa Arab yang dengannya diturunkan al-Quran. Di samping itu, analisis ini juga dapat menyangkal toh�ahan yang menyatakan bahawa al-Quran itu dipenuhi dengan ayat-ayat yang berulang yang tidak ada sebarang makna dan faedah di sebalik pengulangan tersebut.

JADUAL AYAT-AYAT YANG DIGUGURKAN DALAM AL-QURAN

Ayat-ayat pengguguran.	perkataan/ungkapan yang digugurkan.
<p>1) (قَالَ أَمْ أَفْلَى إِنَّكَ لَنْ تَسْتَطِعَ مَعِي صَبْرًا...) <i>(Surah al-Kahfi : 72).</i></p> <p>(قَالَ أَمْ أَفْلَى لَكَ إِنَّكَ لَنْ تَسْتَطِعَ مَعِي صَبْرًا...) <i>(Surah al-Kahfi : 75)</i></p>	كَكَ
<p>2. (إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمُ الْأَنْذِرُ كُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرُهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ) <i>(Surah al-Baqaraat : 6)</i></p> <p>(وَسَوَاءٌ عَلَيْهِمُ الْأَنْذِرُ كُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرُهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ) <i>(Surah Yāsin : 10)</i></p>	إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا
<p>3. (ذَلِكَ بِأَنَّمَا شَاقَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَمَنْ شَاقَ اللَّهَ) <i>(وَرَسُولُهُ فَإِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعَقَابِ)</i> <i>(Surah al-Anfāl : 13)</i></p> <p>(ذَلِكَ بِأَنَّمَا شَاقَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَمَنْ شَاقَ اللَّهَ فَإِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعَقَابِ) <i>(Surah al-Hasyr : 4)</i></p>	وَرَسُولُهُ
<p>4. ... وَ لَا تَكُنْ فِي ضَيْقٍ مِّمَّا يَمْكُرُونَ <i>(Surah al-Nahl : 127)</i></p> <p>... وَ لَا تَكُنْ فِي ضَيْقٍ مِّمَّا يَمْكُرُونَ <i>(Surah al-Naml : 70)</i></p>	Huruf Nun pada تَكُنْ
<p>5. ... وَ أَبْصِرُهُمْ كَسْوَفَ يَقْبَرُونَ <i>(Surah al-Saffat : 175)</i></p> <p>وَ أَبْصِرْ كَسْوَفَ يَقْبَرُونَ <i>(Surah al-Saffat : 179)</i></p>	هُمْ
<p>6. قُلْ إِنَّ رَبِّي يَعْصِمُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ وَ يَقْدِيرُ <i>(Surah Saba' : 36)</i></p>	مِنْ عَبَادِهِ

فُلِّ إِنْ رَبِّيْ يَوْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَقُولُ لَهُ
(Surah Saba' : 39)

فَإِنَّهُمْ بَعْتَهُ وَمُهُمْ لَا يَشْعُرُونَ 7.

(Surah al-Syu'arā' : 202)
... كَوْلَيَّا يَرْتَهِمْ بَعْتَهُ وَمُهُمْ لَا يَشْعُرُونَ
(Surah al-'Ankabūt : 53)

... إِنَّهُمْ لِذُلْكَ مِنْ عَزْمِ الْأَمْوَارِ 8.

(Surah Luqmān : 17)
... إِنَّهُمْ لِذُلْكَ لِمَنْ عَزْمِ الْأَمْوَارِ
(Surah al-Syūra : 43)

لَمْ يَمْجُدُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَخْرُجُونَ 9.

(Surah al-Baqaraṭ : 262)

فَلَهُمْ أَجْرٌ هُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَخْرُجُونَ ...

(Surah al-baqarat : 62).

فَأَتُوا إِسْوَرَةً مِنْ مَثْلِهِ ... 10.

(Surah al-baqarat : 23)

... فَأَتُوا إِسْوَرَةً مِنْ مَثْلِهِ ...

(Surah Yunus : 38)

إِلَّا مَنْ تَابَ وَآمَنَ وَعَمِلَ صَالِحًا ...

(Surah Maryam: 60)

إِلَّا مَنْ تَابَ وَآمَنَ وَعَمِلَ عَمَلًا صَالِحًا ...

(Surah al-Furqān: 70)

... وَمِنْكُمْ مَنْ يَرْدِدُ إِلَى أَرْذَلِ الْعُمُرِ لِكَيْ لَا يَعْلَمَ بَعْدَ عِلْمٍ شَيْئًا ... 12.

(Surah al-Nahl : 70)

... وَمِنْكُمْ مَنْ يَرْدِدُ إِلَى أَرْذَلِ الْعُمُرِ لِكَيْ لَا يَعْلَمَ مِنْ بَعْدَ عِلْمٍ شَيْئًا ...

(Surah al-Hajj : 5)

... مَنْ يَهْرُبُ اللَّهُ فِيهِ الْمُهْتَدِ ... 13.

Huruf Lām/Nūn

Taukid pada

لَيَاتِهِمْ

Huruf lām taukid

pada لِمَنْ

Huruf fa pada

فَاهُمْ

مِنْ

عَمَلًا

رَمِنْ

Huruf ya pada

(Surah al-Kahfi : 17)

المهديٌ

... مَنْ يَهْدِي اللَّهُ هُوَ الْمُهَدِّدِي

(Surah al-A'rāf : 178)

الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ فَلَا تَكُنْ مِنَ الْمُمْتَنِينَ 14.

(Surah Āli-İmrān : 60)

الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ فَلَا تَكُونُنَّ مِنَ الْمُمْتَنِينَ

(Surah al-Baqarāt : 147).

كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ 15.

(Surah al-Takāthur : 3)

كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ

(Surah al-Takāthur : 4)

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا 16.

(Surah al-Insyirāh : 5).

إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

(Surah al-Insyirāh : 6)

فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيْبًا فَاسْحُوا بِيُوْجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ 17.

(Surah al-Nisā' : 43)

فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيْبًا فَاسْحُوا بِيُوْجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ سَهْلَةً

(Surah al-Māidat : 6)

... حَاجَدُوا بِأَنَّمَوَاهُمْ وَأَنْقَسُهُمْ ... 18.

(Surah al-Taubah : 88).

... حَاجَدُوا بِأَنَّمَوَاهُمْ وَأَنْقَسُهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

(Surah al-Anfāl: 72).

... قَمَا كَانُوا لِيُؤْمِنُوا بِمَا كَذَبُوا مِنْ قَبْلِ ... 19.

(Surah al-A'rāf : 101)

... قَمَا كَانُوا لِيُؤْمِنُوا بِمَا كَذَبُوا بِهِ مِنْ قَبْلِ

(Surah Yūnus : 74).

مَا لَمْ تُسْطِعْ عَلَيْهِ صَرْبًا 20.

Huruf Nūn

Taukīd pada

مَكْوَنَةً

ثُمَّ

Huruf fā' pada

فَإِنَّ

سَهْلَةً

فِي سَبِيلِ اللَّهِ

بِهِ

Huruf tā' pada

(Surah al-Kahfi : 82)

مَا لَمْ تَسْتَطِعْ عَلَيْهِ صَفِرًا

(Surah al-Kahfi : 78)

تَسْتَطِعْ

21. ... يُكْفِرُونَ بِتَبَاتِ اللَّهِ وَ يَقْتَلُونَ التَّبَيْنَ بِغَيْرِ حَقٍّ ...

(Surah āli-l-Imrān : 21)

... يُكْفِرُونَ بِتَبَاتِ اللَّهِ وَ يَقْتَلُونَ التَّبَيْنَ بِغَيْرِ الْحَقِّ ...

(Surah al-Baqarāt : 61)

Alif lam pada

22. ... وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ اجْعَلْ هَذَا الْبَدْأَ آئِنَاً ...

(Surah al-Baqarāt : 126)

... وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ اجْعَلْ هَذَا الْبَدْأَ آئِنَاً ...

(Surah Ibrāhīm: 35)

Alif lam pada

الْبَدْأُ

23. ... مَنْ كَانَ مِنْكُمْ مُرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخْرَ ...

(Surah al-Baqarāt : 184)

... مَنْ كَانَ مُرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخْرَ ...

(Surah al-Baqarāt : 185)

مِنْكُمْ

24. ... وَ قُتِلُوْهُمْ حَقٌّ لَا تَكُونُ فَتْنَةٌ وَ يَكُونُ الدِّينُ رَبُّهُ.

(Surah al-Baqarāt : 193)

... وَ قُتِلُوْهُمْ حَقٌّ لَا تَكُونُ فَتْنَةٌ وَ يَكُونُ الدِّينُ كُلُّهُ رَبُّهُ

(Surah al-Anfāl : 39)

كُلُّهُ

25. ... إِذَا قَالَ لِأَنْتِهِ وَ قَوْمِهِ مَا تَعْبُدُونَ

(Surah al-Shu'a rā' : 70)

إِذَا قَالَ لِأَنْتِهِ وَ قَوْمِهِ مَاذَا تَعْبُدُونَ

(Surah al-Şaffat : 85)

ذَا

26. ... وَ لَمَّا حَاءَتْ رُسُلُنَا لُوطًا سَيِّءَهُمْ وَ ضَاقَ رِهْنُمْ ذَرْعًا

(Surah Hūd : 77)

... وَ لَمَّا أَنْ حَاءَتْ رُسُلُنَا لُوطًا سَيِّءَهُمْ وَ ضَاقَ رِهْنُمْ ذَرْعًا ...

(Surah al-Ankabūt : 33)

أَنْ

27... قَالُوا إِنَّا أَنْتَ مِنَ الْمَسْحُورِينَ ، مَا أَنْتَ إِلَّا بَشَرٌ مِّنْنَا ...
(Surah al-Shu'a ra : 153-154)

قالوا إِنَّا أَنْتَ مِنَ الْمَسْحُورِينَ وَ مَا أَنْتَ إِلَّا بَشَرٌ مِّنْنَا
(Surah al-Shu'a ra : 185-186)

28 لَكُمْ فِيهَا فِرِيقَةٌ كَثِيرَةٌ مِّنْهَا تَأْكُلُونَ

(Surah al-Zukhruf : 73)

لَكُمْ فِيهَا فِرِيقَةٌ كَثِيرَةٌ وَ مِنْهَا تَأْكُلُونَ ...

(Surah al-Mu'minun : 19)

29 وَ إِنَّهُمْ سَعَى لِلشَّرِّ وَ الْخَرْوَمِ

(Surah al-Zâriyât : 19)

وَ الَّذِينَ فِي آمَوَالِهِمْ سَعَى بِعِلْمٍ * لِلشَّرِّ وَ الْخَرْوَمِ

(Surah al-Mâ'ârij : 24-25)

30 .. إِنَّهُ كَانَ فُحِشَةً وَ سَاءَ سَيِّئًا ..

(Surah al-Isrâ' : 32)

.. إِنَّهُ كَانَ فُحِشَةً وَ مَفْتَأً وَ سَاءَ سَيِّئًا ..

(Surah al-Nisâ' : 22)

31 وَ مَا أَنْتُ بِمُعْجِزِينَ فِي الْأَرْضِ

(Surah al-Syûra : 31)

وَ مَا أَنْتُ بِمُعْجِزِينَ فِي الْأَرْضِ وَ لَا فِي السَّمَاءِ

(Surah al-Akâbût : 22).

32 وَسَرِّي اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَ رَسُولُهُمْ تَرْدُونَ إِلَى عِلْمِ الْغَيْبِ .

(Surah al-Tauba : 94).

فَسَرِّي اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَ رَسُولُهُ وَ الْمُؤْمِنُونَ تَرْدُونَ إِلَى عِلْمِ الْغَيْبِ

(Surah al-Tauba : 105)

33 بُدْرِيْلَهُ حَتَّىٰ يَخْرُي مِنْ نَعْيَهَا الْأَهْمَرُ خَلِدِيْنَ فِيهَا أَبَدًا

(Surah al-Talâq : 11).

بُدْرِلَهُ حَتَّىٰ يَخْرُي مِنْ نَعْيَهَا الْأَهْمَرُ خَلِدِيْنَ فِيهَا أَبَدًا

(Surah al-Taghâbûn : 9).

34 قُلْ فَمَنْ يَمْلِكُ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا .

(Surah al-Mâidat : 17)

قُلْ فَمَنْ يَمْلِكُ لَكُمْ مِّنَ اللَّهِ شَيْئًا

وَ

وَ

مَعْلُومٌ

وَ مَفْتَأٌ

وَ لَا فِي السَّمَاءِ

وَ الْمُؤْمِنُونَ

مِنْ

لَكُمْ

(Surah al-Fatih : 11)

وَلِكُنْ أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ

(Surah Ālī-Imrān : 117).

وَلِكُنْ كَانُوا أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ

(Surah al-Baqarāt : 57).

كَانُوا

36. إِنَّ اللَّهَ رَبِّيْ وَ رَبِّكُمْ فَاعْبُدُوهُ هَذَا حِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ

(Surah Ālī-Imrān : 51).

إِنَّ اللَّهَ هُوَ رَبِّيْ وَ رَبِّكُمْ فَاعْبُدُوهُ هَذَا حِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ

(Surah al-Zukhruf : 64).

هُوَ

37. ...رَمَّ تَصْدُوْنَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بَعْدُهَا عَوْجًا.

(Surah Ali-Imran : 99)

وَنَصْدُوْنَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بَعْدُهَا عَوْجًا...

(Surah al-A'raf : 86).

رَبِّهِ وَ

38. جَنَّتْ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَكْمَارُ خَلْدِينَ فِيهَا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ.

(Surah al-Tauba : 89).

جَنَّتْ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَكْمَارُ خَلْدِينَ فِيهَا وَ ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

(Surah al-Nisā' : 13).

وَ

39. إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَ إِنَّهُ لِغَافِرٍ رَّحِيمٍ

(Surah al-An'ām : 165).

إِنَّ رَبَّكَ لَسَرِيعُ الْعِقَابِ وَ إِنَّهُ لِغَافِرٍ رَّحِيمٍ

(surah al-A'rāf : 167).

Huruf Lam pada

لَسَرِيعٍ

40. قَالَ أَنْتَ نَظِيرِي إِلَى يَوْمٍ يَعْثُونَ

(Surah al-A'rāf : 14).

قَالَ رَبِّ فَأَنْتَ نَظِيرِي إِلَى يَوْمٍ يَعْثُونَ

(Surah al-Hijr : 36).

Rَبِّ dan

Huruf fa pada

فَأَنْتَ نَظِيرِي

41. قَالَ إِنَّكَ مِنَ الْمُنْظَرِينَ

(Surah al-A'rāf : 15).

قَالَ فَإِنَّكَ مِنَ الْمُنْظَرِينَ

(Surah al-Hijr : 37).

Huruf fa pada

فَإِنَّكَ

مِنَ

<p>وَأَعْدَ اللَّهُ لَهُمْ حِنْتَ تَخْرِي فِيهَا الْأَمْمَارُ خَلِيلِينَ فِيهَا .</p> <p>42. (Surah al-Taubah : 100).</p> <p>أَعْدَ اللَّهُ لَهُمْ حِنْتَ تَخْرِي مِنْ فِيهَا الْأَمْمَارُ خَلِيلِينَ فِيهَا</p> <p>(Surah al-Taubah : 89).</p> <p>فَمَا أُوتِيتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَمَنَاعَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَمَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ وَأَبْقَى .</p> <p>43. (Surah al-Syūrā : 36).</p> <p>وَمَا أُوتِيتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَمَنَاعَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَزَيَّنَتْهَا وَمَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ وَأَبْقَى</p> <p>(Surah al-Qasas : 60)</p> <p>وَلَا يَكْلُمُهُمُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَمَةِ وَلَا يُزِّكُهُمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ</p> <p>44. (Surah al-Baqara : 174).</p> <p>وَلَا يَكْلُمُهُمُ اللَّهُ وَلَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ وَلَا يُزِّكُهُمْ كَلَمْبُونَ عَذَابٌ أَلِيمٌ</p> <p>(Surah Al-i'lmān : 77).</p> <p>إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مُنَوْنَ</p> <p>45. (Surah al-Insyiqāq : 25).</p> <p>إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مُنَوْنَ</p> <p>(Surah al-Tin : 6).</p>	<p>وَزَيَّنَتْهَا</p> <p>وَلَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ</p> <p>Huruf fā' pada فَلَهُمْ</p>
---	---